Sehubungan dengan itu, dalam menjalani ULBM semua perkara yang dikaitkan dengan aspek psikolinguistik perlu diberi perhatian oleh guru dan juga ibu bapa. Hal ini kerana, proses yang berlaku dalam psikolinguistik amat penting untuk difahami agar tindakan lanjut boleh diambil bagi mengatasi masalah lisan dengan berkesan.

2.3 FORMAT ULBM

Format baru ULBM sejak tahun 2003 adalah seperti berikut:

(a) bersifat autentik kerana berupaya mentaksir kebolehan sebenar pelajar dalam fokus kepada kemahiran bertutur.

(b) menggalakkan proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur di bilik darjah.

(c) pentaksiran dijalankan secara berterusan bermula dari tingkatan empat hingga lima.

(d) menepati kehendak dan keperluan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah.

(e) pentaksiran dapat dilakukan dalam situasi berkomunikasi yang sebenar dan lebih daripada satu kemahiran bertutur dapat ditaksir.

(f) pentaksiran boleh juga dijalankan semasa aktiviti luar bilik darjah yang melibatkan penggunaan bahasa Melayu.

(g) lebih daripada satu pihak yang akan mentaksir kemahiran bertutur setiap calon.

(h) pentaksiran ialah orang yang paling hampir dengan calon dan mengetahui kemampuan sebenar kemahiran bertutur seseorang calon.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.1 Objektif

Pelaksanaan ULBM menuntut pencapaian tiga objektif utama, iaitu:

(a) mendedahkan situasi berlisan yang sebenar kepada pelajar.

(b) membentuk kemahiran dan keyakinan diri kepada pelajar untuk berkomunikasi dengan berkesan.

(c) mendedahkan kemahiran berlisan dan beri pengalaman kepada pelajar untuk berkomunikasi dalam situasi formal dan tidak formal.

2.3.2 Tatacara ULBM

ULBM menggariskan beberapa tatacara pengendalian yang telah digarapkan dalam modulnya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(a) ujian ini dilaksanakan berasaskan sekolah dengan kawalan langsung Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).

(b) pentaksir ujian ini ialah guru-guru yang mengajarkan Bahasa Melayu di tingkatan 4 dan tingkatan 5.

(c) calon ditaksir dalam kemahiran bertutur (pencapaiannya/penguasaannya) dalam pelbagai aktiviti secara individu dan kumpulan.

(d) keesahan dan kebolehpercayaan ujian ini tinggi manakala nilai dan kualiti lisan dapat dipertingkatkan selaras dengan hasrat memartabatkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(e) ujian ini memberi peluang kepada calon meningkatkan pencapaian dalam kemahiran bertutur. Hal ini bertepatan dengan konsep "*assessment for better learning*".

2.3.3 Aktiviti ULBM

ULBM dilaksanakan berdasarkan 5 model interaksi seperti yang diterangkan dalam bab 1

(a) aktiviti individu berdasarkan model 1, 2 dan 3.

(b) aktiviti kumpulan berdasarkan model 4 dan 5.

Oleh yang demikian, aktiviti yang dicadang oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia adalah seperti rajah 2 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIL	AKTIVITI / MODEL	1 (INDIVIDU)	2 (INDIVIDU DAN PENDENGAR)	3 (INDIVIDU DAN PENGGALAK)	4 (KUMPULAN)	5 (KUMPULAN)
1	Memberi arahan/panduan	✓	✓	✓		
2	Menyampaikan pesanan	✓	✓	✓		
3	Melafazkan dan pemahaman puisi moden	✓	✓	✓		
4	Membuat pengumuman		✓			
5	Menyampaikan berita		✓			
6	Ucapan		✓			
7	Menyampaikan taklimat	✓	✓			
8	Laporan	✓	✓			
9	Perbincangan bahan prosa dan puisi	✓		✓	✓	✓
10	Wawancara	✓		✓	✓	✓
11	Memberi panduan dan tunjuk ajar	✓	✓	✓		
12	Forum				✓	✓
13	Perbahasan				✓	✓
14	Sumbang saran/merumus bahan prosa dan puisi			✓	✓	✓
15	Menyampaikan ulasan selari berdasarkan bahan rangsangan	✓	✓			
16	Bercerita					
17	Perbincangan berdasarkan isu-isu semasa (tersirat dan tersurat)	✓	✓	✓	✓	✓
18	Penyelesaian masalah	✓	✓	✓	✓	✓
19	Memberi pendapat / membuat keputusan	✓	✓	✓	✓	✓
20	Bercerita	✓	✓	✓	✓	✓
21	Memberi ulasan tentang prosa dan puisi	✓	✓	✓	✓	✓
22	Menilai dan membuat ulasan tentang pelbagai bahan	✓	✓	✓	✓	✓
23	Ceramah					
24	Komentar		✓	✓	✓	✓

RAJAH 2 : AKTIVITI ULBM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi memudahkan pemahaman para pentaksir setiap aktiviti yang dinyatakan mempunyai huraian yang lebih jelas dan terperinci untuk diikuti, iaitu;

1. Memberi arahan/panduan

    - memberi arahan tentang peraturan dan disiplin yang terdapat di sekolah dan masyarakat.

    - memberi panduan dan tunjuk ajar cara teknik memasang, cara membuat alat atau model ciptaan sains dan cara menggunakannya.

    - menghuraikan panduan menggunakan kemudahan perkhidmatan awam.

2. Menyampaikan pesanan

    - menyampaikan pesanan dengan gaya yang menunjukkan pemahaman dan penghayatan terhadap isinya.

3. Melafazkan puisi moden dan lama

    - melafazkan puisi dengan gaya yang menunjukkan pemahaman dan penghayatan terhadap isinya.

4. Membuat pengumuman

    - menyampaikan pengumuman mudah dengan tepat dan berkesan.

5. Menyampaikan berita

    - menyampaikan berita ringkas dengan tepat dan berkesan.

6. Ucapan

    - menyampaikan ucapan dengan tepat dan berkesan

7. Menyampaikan taklimat

    - menyampaikan taklimat mudah dengan tepat dan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

8. Laporan

- menyampaikan laporan dengan mudah dan tepat.

9. Perbincangan bahan prosa dan puisi

- menyoal dan berbicang untuk menyatakan makud keseluruhan dan rumusan yang tersurat dan tersirat yang tardapat dalam pelbagai bahan prosa dan puisi.

10. Wawancara

- menyatakan maklumat, pendapat, hujah, syo-syor penting dan membuat rumusan dengan tepat dan padat.

11. Memberi panduan dan tunjuk cara

- memberi panduan dan tunjuk ajar cara seperti teknik memasang, cara membuat alat atau model ciptaan sains dan cara penggunaannya.

12. Forum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- menyatakan maklumat, pendapat, hujah-hujah,syor-syor pentong dan membuat rumusan tepat dan padat.

13. Perbahasan

- menyatakan maklumat, pendapat, hujah, syor-syor penting dan membuat rumusan dengan tepat dan padat.

14. Sumbangan saran/merumus bahan prosa/puisi

- berbincang secara intensif/kreatif tentang maksud keseluruhan dan menyelesaikan masalah yang berkaitan.

15. Menyampaikan ulasan selari berdasarkan bahan rangsangan

- Menyampaikan ulasan selari tentang sesuatu peristiwa, pertandingan dan upacara yang biasa berlaku di sekolah dan di luar sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

16. Membuat ulasan bahan rangsangan

- menghuraikan sesuatu dengan berpandukan bahan rangsangan seperti bahan grafik, alat dan model.

- menghuraikan sesuatu berpandukan bahan prosa, puisi dan grafik yang mencabar

- menghuraikan hal-hal persendirian seperti disiplin, semangat berdikari dan pembentukan sahsiah diri serta isu pencegahan dadah.

17. Bercerita

- mengisahkan sesuatu peristiwa berkaitan dengan hal-hal kemasyarakat, kemanusiaan dan kebudayaan.

- membuat ringkasan / sinopsis daripada bahan-bahan prosa dan puisi.

18. Perbincangan berdasarkan isu-isu semasa

- menghuraikan hal-hal kemasyarakat tentang perkembangan ekonomi dan isu-isu semasa yang berlaku di dalam dan di luar negara.

- berbincang dan menentukan maklumat yang tersurat dan tersirat daripada isu-isu semasa yang berkaitan dengan hal-hal kemasyarakat.

19. Penyelesaian Masalah

- berbincang dengan kritis tentang maksud keseluruhan yang terdapat dalam pelbagai bahan dan menyelesaikan masalah yang berkaitan.

20. Memberi pendapat/membuat keputusan.

- menyoal untuk mengetahui maksud keseluruhan dan rumusan yang tersurat dan tersirat yang terdapat dalam pelbagai bahan prosa dan puisi.

- menyatakan hujah-hujah yang kritis dan analitis serta menolak hujah-hujah lawan dengan alasan yang jelas, jitu dan menyakinkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

21. Memberi ulasan tentang prosa dan puisi.

    - mengulas dengan kristis tentang teknik persembahan, urutan idea dan isi-isi penting.

22. Menilai dan membuat ulasan tentang pelbagai bahan.

    - membuat ulasan berpandukan bahan-bahan yang diberi.

    - membuat penilaian bahan-bahan yang diberi.

23. Ceramah.

    - menyampaikan ceramah mudah dengan tepat dan berkesan.

24. Komentar

    - berbincang tentang isu-isu semasa yang berkaitan dengan hal-hal kemasyarakatan dan kebudayaan.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 KERANGKA KONSEP

Berdasarkan beberapa pertimbangan yang telah dikemukakan sebelum ini, pendekatan yang wajar dibuat bagi tujuan membina tabiat berkomunikasi yang sempurna dalam kalangan pelajar sekolah ialah tabiat bertutur yang mantap secara berterusan. Oleh itu, faktor yang menjadi peneraju dalam usaha menggalakkan usaha ini dapat dirumuskan dalam kerangka konsep melalui rajah 3 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



RAJAH 3 : KERANGKA KONSEP UJIAN LISAN BAHASA MELAYU

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1 Model

Model yang diguna pakai sebagai penanda aras dalam Ujian Lisan Bahasa Melayu perlu dimantapkan dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Usaha sedemikian perlu disokong sepenuhnya oleh guru, pihak pentadbiran dan kementerian yang terlibat. Bagi merealisasikan harapan tersebut, pihak ibu bapa seharunya juga terlibat dalam usaha ini kerana anak-anak yang fasih dalam pertuturan sebenarnya bermula di rumah.

2.4.2 Masa

Berdasarkan konsep ULBM yang dinyatakan dalam Modul pelaksanaan Ujian Lisan Berasaskan Sekolah Semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (Unit Penilaian dan Peperiksaan 2002), kebanyakan proses ujian lisan yang dijalankan adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semasa dalam proses P&P guru dan memakan masa yang singkat. Oleh itu, para pelajar tidak memberikan mengambil berat akan kepentingan lisan ekoran kekangan masa pentaksiran yang dijalankan. Disarankan agar cadangan berikut dapat dilaksanakan:

a. Aktiviti bertutur/berinterksi berkaitan isu semasa dimasukkan dalam jadual waktu pangajaran guru selain penulisan, tatabahasa dan komsas.
b. Aktiviti lisan dijadikan syarat utama kemasukan ke IPTA.
c. Masa khas diberikan untuk pelajar berinteraksi dengan guru berkaitan tajuk yang telah dinyatakan dalam model lisan.
d. Pelbagai program lisan seperti minggu Bahasa Melayu yang mengetengahkan bakat terpendam dalam kebolehan berhujah dijadikan program wajib di setiap sekolah.
e. Penekanan dan galakan penggunaan waktu senggang untuk berbual dan mendengar bahan yang berkaitan aktiviti lisan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.3 Ibu bapa/Guru/Rakan

Antara penentu kebolehtuturan kanak-kanak/pelajar ialah peranan yang dimainkan oleh ibu bapa/ guru dan rakan. Hal ini kerana, berdasarkan teori Behaviorisme aliran Bloomfield (1942) (dalam Zamri Mahamod 2007: 221), manusia memperoleh bahasa adalah melalui rangsangan yang diterima secara berterusan dan melalui latihan yang dijalankan secara giat. Ahli-ahli mekanis ini berpendapat bahawa sesuatu perlakuan terjadi apabila sesuatu perlakuan itu dirangsangkan dan akan menjadi kebiasaan apabila dilatih sedemikian rupa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, kemahiran bertutur ini dinyatakan sama juga dengan satu perlakuan lain yang boleh diajar seperti menari dan berbasikal. Justeru, melalui kesimbungan peranan yang dimainkan oleh ibu bapa, guru dan rakan dalam usaha membantu pelajar bertutur dengan sempurna amat diperlukan. Sebagai contoh, ibu bapa perlu menjadi suri teladan kepada anak-anak dengan menggunakan bahasa yang tepat apabila berada di rumah. Hal ini kerana, menurut Zamri Mahamod (2007: 166), faktor perhubungan keluarga yang erat dan perhatian yang lebih kepada anak-anak boleh mempengaruhi pertuturan kanak-kanak. Di samping itu, menurut beliau lagi komunikasi yang kerap antara ahli keluarga akan menghasilkan pertuturan yang lebih baik dan lebih cekap dalam kalangan kanak-kanak. Oleh itu, ibu bapa, guru dan rakan memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi kebolehan lisan para pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.4 Matlamat

Matlamat Pentaksiran Pendidikan ialah kaedah pentaksiran bagi mendapatkan skor berdasarkan eviden untuk mengenal pasti modal insan yang dihasilkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Sistem pentaksiran masa ini berfokuskan peperiksaan awam diubah kepada sistem pentaksiran yang lebih holistik yang menggabungkan antara peperiksaan pusat dengan pentaksiran berasaskan sekolah bagi menjamin kebolehpercayaan serta kesahan skor. Hal ini adalah selari dengan :

a. Tuntutan Kurikulum Kebangsaan.
b. Peranan pentaksiran dalam pendidikan.
c. Hasrat mengupaya kuasa sekolah dan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan pentaksiran yang dirancang, ditadbir, diskor dan dilapor oleh pihak sekolah. Lembaga Peperiksaan menyediakan intrumen yang merangkumi piawaian (standard), kriteria, panduan dan peraturan. Pelaksanaan PBS bertujuan untuk membolehkan calon mengukur tahap penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai berbanding kriteria yang ditetapkan seterusnya memperbaik pencapaian diri (*asseement for better learning)*. Pentaksiran ini merangkumi ULBS, PEKA, Kerja Kursus dan PAFA.

PBS dilaksanakan di peringkat peperiksaaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi menjadikan pentaksiran pendidikan sesuatu yang "*mesra dan bermakna, fleksibel, **individualized**, mengintegrasikan teknologi dan teknologi dan berpaksikan proses pembinaan modal insan"*. (Pentaksiran Pendidikan Alaf Baru Satu Lambang Keunggulan, Dato' Haji Omar Mohd. Hashim, Seminar Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan, 5-8 Mei 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, bagi menjamin kualiti dan matlamat pelaksanaan PBS tercapai, mekanisme penataran, penyelarasan dan pemantauan dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan skor pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. Hal ini bertujuan bagi memastikan tidak timbul keraguan dalam proses pentaksiran yang berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.5 Pelajar

Usaha membentuk budaya berinteraksi yang mantap perlu dimulakan di peringkat kanak-kanak lagi. Hal ini kerana kecekapan berbahasa kanak-kanak akan berkembang mengikut tahap umur, latar belakang sosial dan budaya serta kebijaksanaan. Oleh itu, bagi memastikan tabiat berbahasa yang sempurna dalam kalangan pelajar berterusan pelaksanaan program berasaskan lisan perlu dijalankan secara berterusan seawal tahun 1 di sekolah rendah.

2.5 PELAKSANAAN

ULBM diharapkan dapat melahirkan pelajar yang trampil bertutur dengan lebih baik dan sesuai dalam situasi yang pelbagai. Selain itu, bagi memastikan pelaksanaan ujian dikendalikan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah secara berterusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1 Aktiviti Lisan

Dalam memperoleh kesahan pentaksiran beberapa aktiviti yang dicadangkan oleh pihak LPM :

a. Mestilah berbeza bagi setiap calon dalam setiap taksiran.
b. Mestilah berasaskan 2 model, iaitu satu model untuk aktiviti individu dan satu model untuk aktiviti kumpulan atau berpasangan.
c. Dijalankan secara formala atau tidak formal.
d. Dijalankan di dalam bilik darjah (P&P) atau semasa aktiviti kokurikulum.
e. Telah dimaklumkan kepada calon.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2 Kriteria Penskoran ULBM

Selain aktiviti tersebut, pihak LPM juga telah menetapkan kriteria penskoran yang perlu diperhalusi oleh pentaksir, iaitu dalam rajah 4 berikut :

Peringkat	Skor	Konstruk	Kriteria/Keterangan
Baik	**3**	Tatabahasa dan kosa kata	Bahasa gramatis, penggunaan perkataan dan kosa kata tepat dan betul.
		Sebutan, intonasi dan nada	Sebutan betul, jelas dan tepat. Kebanyakan intonasi dan nada betil seperti penutur jati.
		Kefasihan	Keseluruhan pengucapan petah, fasih dan lancar.
		Bermakna	Keseluruhan pengucapan mencapai maksud, tepat dan bertatasusila.
Memuaskan	**2**	Tatabahasa dan kosa kata	Bahasa masih gramatis , penggunaan perkataan dan kosa kata masih tepat dan masih betul.
		Sebutan, intonasi dan nada	Sebutan masih betul, masih jelas dan masih tepat serta kebanyakan intonasi dan nada masih betul.
		Kefasihan	Kesluruhan pengucapan masih petah, masih fasih dan masih lancar.
		Bermakna	Keseluruhan pengucapan masih mencapai maksud, masih tepat dan masih bertatasusila.
Kurang Memuaskan	**1**	Tatabahasa dan kosa kata	Bahasa ada yang kurang gramatis, penggunaan perkataan serta kosa kata kurang tepat, kurang betul dan kadangkala salah.
		Sebutan, intonasi dan nada	Kebanyakan sebutan kurang betul, kurang jelas dan kurang tepat serta intonasi banyak yang salah.
		Kefasihan	Keseluruhan pengucapan kurang petah, kurang fasih dan kurang lancar.
		Bermakna	Kebanyakan pengucapan tidak mencapai maksud, kurang tepat dan kurang bertatasusila.

RAJAH 4 : KRITERIA PENSKORAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelajar yang berjaya memperoleh markah cemerlang, kepujian, memuaskan dan kurang memuaskan akan ditempatkan melalui pembahagian gred/markah dalam jadual berikut:

PERINGKAT	SKOR
Sangat baik	36-40
Baik	28-35
Memuaskan	20-27
Kurang Memuaskan	12-19
Pencapaian Minimum	4-11

2.6 KONSEP PELAKSANAAN

Teori psikologi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa menyebut bahawa gerak kerja lisan mestilah diutamakan sebelum seseorang guru itu mengajar aspek-aspek lain seperti bacaan dan tulisan. Kemahiran lisan adalah asas dan tunjang kepada peningkatan penguasaan semua pembelajaran atau kecekapan berbahasa. Pelajar yang telah mencapai tahap kemahiran yang memuaskan, harus boleh menyusun fikiran dan idea-idea dengan baik dan dapat pula melahirkannya dalam bentuk ujaran yang baik juga. Oleh itu, penguasaan bahasa lisan yang baik, biasanya akan menghasilkan satu tabiat berbahasa yang baik dan kebiasannya yang baik itu pula akan membolehkan seseorang itu berkomunikasi dengan sempurna dan berkesan.

Menurut Kamarudin Hj. Husin (1999 : 15) kemahiran lisan melibatkan komponen asas, iaitu mendengar dan bertutur. Komponen ini berkait rapat dan saling melengkapi. Kemahiran mendengar adalah kemahiran yang paling asas dan berlaku pada peringkat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penerimaan. Seseorang pelajar yang telah dapat menguasai kemahiran ini harus dapat mendengar dengan baik apa-apa sahaja yang dituturkan oleh orang lain dan dapat memahami maksud serta berupaya membuat tafsiran daripada perkara yang didengar. Menurut beliau lagi, kemahiran bertutur adalah kegiatan melafazkan bunyi-bunyi yang dilahirkan daripada alat sebutan (artikulator) manusia. Kemahiran ini tidak boleh dicipta oleh pelajar, tetapi perlu *ditiru dan diajuk*. Manusia mencipta lambang-lambang pertuturan sebelum mampu menghasilkan tulisan, oleh itu para guru seharusnya menekankan terhadap aktiviti lisan sebelum mengajar membaca dan menulis.

Berdasarkan pendapat Chomsky (1957), proses komunikasi berlaku apabila adanya penutur dan pendengar. Setiap penutur dan pendengar memiliki dua perkara, iaitu kemampuan (*competence*) dan pengucapan (*performance*). Dalam konteks komunikasi lisan, kedua-dua penutur dan pendengar harus mempunyai kemahiran masing-masing dalam bentuk yang sempurna. Hal ini bermakna, si penutur harus boleh bercakap dengan jelas, terang, sebutan yang betul dan berupaya menggunakan intonasi, jeda dan gaya yang tepat dan sesuai.

Berdasarkan pendapat Abd. Aziz Abd. Talib (2000 : 98) terdapat beberapa langkah yang boleh dimainkan oleh guru dalam meningkatkan mutu pertuturan pelajar:

i. Aspek suara

Suara amat penting dalam pertuturan, sama ada kita berbual dengan rakan atau berucap dalam situasi formal, kekuatan suara perlu dikawal dan disesuaikan supaya dapat didengar oleh orang lain. Oleh itu, guru perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengajarkan atau memberikan contoh latihan berkaitan teknik penggunaan suara yang tepat.

ii. Aspek sebutan

Sebutan ialah cara sesuatu perkataan itu disebut, manakala rima atau lagu bahasa (intonasi) perlu dilakukan dengan betul pada peringkat ayat. Perkataan dalam bahasa Melayu perlu disebutkan dengan betul, iaitu menurut sebutan baku dan bukan menurut dialek tempatan atau dipengaruhi bahasa ibunda masing-masing, misalnya sebutan murid bukan Melayu. Oleh yang demikian, semasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru perlu sentiasa peka terhadap pertuturan semasa pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Aspek bentuk bahasa lisan dan pemilihan kata

Dalam bahasa Melayu terdapat perbezaan yang ketara antara bahasa lisan dan bahasa bertulis. Pelajar perlu diajar dan diingatkan tentang hal ini agar mereka tidak bercakap seperti gaya bahasa tulisan. Guru perlu mengajar pelajar tentang perbezaan antara gaya dan penggunaan bahasa dalam perbualan biasa dengan yang formal seperti ucapan atau syarahan dalam majlis-majlis rasmi.

iv. Aspek kelancaran

Aspek kelancaran atau aliran ucapan amat penting dalam keseluruhan ucapan atau wacana lisan. Sesuatu ucapan perlu disampaikan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebutan, intonasi, tekanan dan aliran lancar tanpa tersekat-sekat. Bahasa lisan mempunyai ciri-ciri prosidi (aspek fonologi). Untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik, pelajar perlu diajar dan dilatih bercakap menggunakan intonasi, tekanan dan sebutan yang betul.

v. Aspek tekanan

Tekanan ialah tempat-tempat suara ditekankan (dikuatkan) apabila menyebut sesuatu perkataan menurut suku kata dalam sesuatu perkataan. Tekanan pada peringkat perkataan boleh disamakan dengan rentak dalam muzik, iaitu apabila tekanan itu berubah perkataan kepada bentuk perkataan yang lain. Dalam bahasa Melayu aspek tekanan bagi peringkat perkataan (antara suku katanya) kurang ketara jikalau dibandingkan dengan peranan tekanan sesuatu suku kata bagi perkataan bahasa Inggeris. Namun begitu, tekanan perlu dimainkan apabila menguatkan aspek makna dalam konteks ayat. Sehubungan dengan itu, guru plu menerangkan akan pentingnya peranan tekanan yang kadang kala membawa perubahan pada perkataan yang ingin disampaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.1 Faktor yang Mempengaruhi Pertuturan

Semasa proses melaksanakan ujian lisan guru dan pelajar kadang kala dipengaruhi beberapa perkara yang berkait dengan pertuturan. Berdasarkan pandangan Zamri Mahamod (2007 : 165) pengaruh dalam pertuturan adalah seperti yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Faktor Kecerdasan

Kecerdasan otak biasanya dihubungkan dengan kemampuan otak untuk memproduksi bahasa. kanak-kanak yang cacat otaknya selalu mempunyai pertuturan yang tidak sempurna. Kajian-kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak yang lembab bercakap didapati lebih lewat kecerdasannya berbanding dengan kanak-kanak yang cepat bercakap. Hal ini membuktikan bahawa kanak-kanak yang rendah tahap kecerdasannya mengalami kesukaran untuk bertutur dengan baik.

ii. Faktor Jantina

Kanak-kanak perempuan didapati lebih dahulu bercakap daripada kanak-kanak lelaki dan menguasai bahasa serta perbendaharaan kata yang luas. Hal ini disebabkan perkembangan jasmani kanak-kanak berkaitan urat saraf pertuturan berlaku lebih pantas daripada kanak-kanak lelaki.

iii. Faktor Kesihatan

Jika seseorang kanak-kanak itu mendapat sakit berlanjutan semasa kecil, penguasaan mereka akan terganggu apabila dewasa kelak. Biasanya kanak-kanak yang lemah dan selalu diserang penyakit tidak mempunyai kekuatan untuk berfikir dan bercakap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Faktor Perhubungan Keluarga

Perhubungan keluarga yang erat dan perhatian yang lebih terhadap kanak-kanak boleh mempengaruhi pertuturan. Komunikasi kerap antara ahli keluarga menghasilkan pertuturan yang lebih baik dan lebih cekap dalam kalangan kanak-kanak.

v. Faktor Taraf Sosioekonomi

Kedudukan taraf sosioekonomi biasanya bergantung kepada pekerjaan dan pendapatan ibu bapa. Kanak-kanak yang berasal daripada keluarga kelas atasan dan pertengahan biasanya boleh menguasai bahasa dengan lebih cepat dan mudah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 TEORI BEHAVIORISME

Teori behaviorisme menyoroti aspek perilaku kebahasaan yang dapat diamati langsung dan hubungan antara rangsangan (*stimulus*) dan reaksi (*response*). Perilaku bahasa yang efektif adalah dengan melakukan reaksi yang tepat terhadap rangsangan. Reaksi ini akan menjadi satu kebiasaan jika reaksi tersebut diulang. Dengan demikian, kanak-kanak belajar bahasa pertamanya.

B.F. Skinner adalah tokoh aliran behaviorisme yang telah menulis sebuah buku bertajuk *Verbal Behavior* pada tahun 1957. Menurut aliran ini, belajar merupakan hasil faktor eksternal yang perlu terhadap sesuatu makhluk. Menurut Skinner, perilaku kebahasaan sama dengan perilaku yang lain, dikawal oleh kesan daripada sesuatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tindakan. Apabila suatu tindakan itu mendapat pujian maka perilaku tersebut akan berterusan. Secara amnya, apabila ada *reinforcement* yang sesuai, perilaku akan berubah dan inilah yang dipanggil proses belajar oleh pengikut Skinner.

Aliran behaviorisme mengatakan bahawa semua ilmu dapat digabungkan menjadi hubungan *stimulus-response*. Hal ini bermakna, setiap tindakan yang terjadi kerana wujud rangsangan dan gerak terhadap rangsangan tersebut. Untuk memudahkan pemahaman antara prinsip penguasaan dan pembelajaran bahasa yang diutarakan oleh ahli behavioris adalah:

i. Bahasa dikuasai melalui proses pengulangan, iaitu mengulang sebanyak mungkin kemahiran bahasa sehingga menjadi satu kebiasaan. Teori ini berasaskan kepada cara bahasa pertama oleh seseorang kanak-kanak. Seseorang kanak-kanak itu memperoleh bahasa daripada ibu bapa dan ahli keluarga yang lain melalui proses peniruan yang berulang-ulang sejak dia mula belajar menyebut bunyi-bunyi, perkataan dan seterusnya membentuk ayat-ayat.
ii. Mengikut teori ini pengajaran bahasa haruslah menekankan latihan atau pengulangan yang banyak kerana penguasaan bahasa adalah satu proses mekanis yang tidak memerlukan daya mental. Kemahiran berbahasa diperoleh melalui pembentukan kebiasaan sebagaimaa juga kita mengusai kemahiran-kemahiran psikomotor seperti berlari, berenang dan memasak.
iii. Bagi golongan behaviorisme, bahasa adalah sesuatu tingkah laku manusia yang sama dengan tingkah laku manusia yang boleh dikuasai melalui latihan dan pengulangan. Sekiranya tingkah laku wujud melalui rangsangan dan tindak balas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maka bahasa juga lahir sebagai gerak balas terhadap sesuatu rangsangan. Tegasnya, tingkah laku wujud ketika ketika ucapan terakhir daripada mulut seseorang dan ucapan itu diterima dan difahami oleh pendengar dan sebaliknya.

iv. Bahasa adalah sebagai alat komunikasi. Oleh itu, dalam aliran ini aspek lisan amat ditekankan. Bagi Bloomfield, misalnya bahasa adalah sejumlah isyarat atau benda yang berupa unsur-unsur bunyi yang dinamakan bentuk linguistik.

v. Pembelajaran merupakan pengukuhan yang dapat ditimbulkan melalui ganjaran yang harus diberikan sekiranya seseorang pelajar dapat memberikan gerak balas yang betul.

(http//www.scribd.com/doc/11959433/ psikolinguistik-atas talian pada 12.12.2009)

2.7.1 Aplikasi Eksperimen Skinner

B.F. Skinner sependapat dengan Pavlov tetapi menyatakan bahawa perlakuan harus diperhatikan dalam jangka masa yang panjang dan membentuk perlakuan yang kompleks daripada perlakuan yang mudah. Skinner banyak menjalankan kajian dengan menggunakan binatang seperti tikus dan burung merpati. Skinner telah menghasilkan ‘Skinner Box’, iaitu kajian tingkah laku binatang dalam kotak boleh dikawal dan gerak balasnya dihitungkan. Kajian ini membawa beliau kepada penggunaan teori pelaziman operan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Menurut Skinner (1953) dalam Teori Pelaziman Operan gerak balas boleh dikuatkan (diulangi) atau dihapuskan (tidak diulang) jika diberikan peneguhan sebaik sahaja gerak balas itu ditunjukkan. Antara konsep yang terkandung dalam teori Skinner adalah penenguhan, hukuman, prinsip premack dan pelupusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Peneguhan

Peneguhan ialah perkara yang dilakukan untuk menggalakkan sesuatu perlakuan itu diulangi. Menurut Rachin (1991) peneguhan diberikan untuk pertamanya memuaskan kehendak, keduanya mengurangkan tekanan dan merangsang otak. Skinner membahagikan peneguhan kepada dua jenis iaitu peneguhan positif dan peneguhan negatif.

i. Peneguhan positif

Peneguhan positif ialah memberikan sesuatu ganjaran setelah perlakuan itu ditunjukkan yang menyebabkan perlakuan itu diulangi atau diperkuat lagi. Sebagai contoh, guru boleh memberikan kata-kata pujian, senyuman, menepuk bahu pelajar dan memberi hadiah. Peneguhan positif boleh diberikan secara berterusan atau dalam bentuk berkala. Peneguhan berterusan bermaksud, peneguhan akan diberikan selepas setiap reaksi yang diingini ditunjukkan. Peneguhan berkala pula ialah peneguhan yang diberikan selepas satu jangka masa yang ditetapkan. Peneguhan berkala pula dapat dibahagikan kepada peneguhan berkala tetap dan peneguhan berkala berubah. Kesan peneguhan positif mendorong kanak-kanak menghasilkan ujaran yang mantap. Peneguhan mestilah jelas dan sistematik, memuji secara ikhlas, memuji dengan cepat, memuji tingkah laku yang spesifik, memuji usaha dan cuba jaya, memuji tanpa pilih kasih dan memuji jawapan atau respon yang spontan. Oleh itu, jika dalam pemerolehan bahasa ibu bapa/penjaga dan guru hendaklah selalu memberikan peneguhan dalam bentuk pujian atau hadiah (gula-gula, belaian) bagi menggalakkan kanak-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak menyebut perkataan tersebut dengan tepat. Hal ini kerana, kesan daripada pujian akan membawa kepada pengulangan perkataan yang oleh kanak-kanak tersebut.

ii. Peneguhan negatif

Peneguhan negatif ialah rangsangan serta merta yang tidak selesa atau menyakitkan yang diberikan selepas sesuatu tingkah laku ditunjukkan. Sebagai contoh, bapa yang memarahi anak yang tidak boleh menyatakan sesuatu perkataan yang betul (pelat). Oleh sebab jemu leteran bapa, maka anak itu akhirnya akan dapat menyebut perkataan itu dengan betul. Tindakan anak (menyebut dengan betul) menghapuskan rangsangan yang tidak diingini (leteran bapa).

b. Hukuman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hukuman ialah satu proses atau tatacara untuk melemahkan atau mengurangkan berulangnya tingkah laku yang tidak diingini. Tegasnya, hukuman adalah kesan negatif yang membawa kepada pengurangan dalam kekerapan berlakunya tingkah laku tersebut. Hukuman dibahagikan dalam 2 bentuk iaitu:

i. Hukuman Persembahan (*presentation punishment*) - menakutkan kanak kanak hingga menyebabkan berlakunya perubahan dalam tingkah laku. Sebagai contoh, mencubit tangan kerana menconteng dinding.

ii. Hukuman Penyingkiran (*removal punishment*) - mengenakan denda bagi menyingkirkan rangsangan. Sebagai contoh, guru tidak membenarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar menjalani ULBM selagi tidak dapat bercakap dalam bahasa baku dengan betul.

c. Prinsip Premack

Konsep utama premack mengaitkan aktiviti yang kurang diminati dengan aktiviti yang lebih diminati untuk mengukuhkan tingkah laku terhadap aktiviti yang kurang diminati. Grandma's Rule yang berasaskan : "Kamu boleh keluar bermain selepas kamu habiskan sayur-sayuran ini" . Oleh itu, dalam proses pemerolehan bahasa anak-anak ibu bapa boleh mengajar anak-anak perkataan yang diingini kemudian memberikan ganjaran setelah berjaya dikuasai sebaiknya. Sebagai contoh, selepas pelajar belajar menyebut beberapa perkataan (*esok, malam, murah*) barulah ayah belikan mainan.

d. Pelupusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perlakuan yang tidak diberi peneguhan akan lupus dengan sendirinya. Oleh itu, dalam proses pemerolehan bahasa sesuatu peneguhan daripada ransangan hendaklah dikenal pasti bagi menghasilkan perlakuan yang dikehendaki. Selain itu, ibu bapa perlu bersabar dalam menghadapi proses pelupusan kerana hasilnya tidak datang serta-merta. Sebagai contoh, dalam mengajar perkataan 'bola' kepada kanak-kanak dengan merujuk kepada bola (kanak-kanak telah biasa melihat bola (sepak, tenis, jaring) dan memanggil semua bola jaring adalah 'bola'. Dengan ini, bagi memahamkan kanak-kanak bahawa terdapat banyak bola, ibu bapa perlu memberikan peneguhan yang tepat dan berterusan bagi melupuskan konsep 'bola'(http://webspace.ship.edu/cgboer/skinner.html : September 28, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, walaupun terdapat banyak teori yang boleh diguna pakai dalam pemerolehan bahasa lisan kanak-kanak pengkaji telah memilih teori yang diketangahkan oleh kerana teori ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Skinner telah memperkenalkan kaedah pengajaran terancang dalam kerangka Rangsangan-Tindak Balas atau Stimulus-Respons. Menurut beliau setiap Ransangan (R) yang diberi ke atas seseorang akan menyebabkan orang tersebut akan menghasilkan Tindak Balas (T) ke atas rangsangan yang diberi. Beliau berpendapat pembelajaran sebenar boleh berlaku dalam kerangka R-T. Dengan itu, ibu bapa dan guru seharusnya memberi sebanyak mungkin rangsangan kepada pelajar, agar mereka boleh memberikan tindak balas ke atas rangsangan-rangsangan yang diberikan. Sekiranya ini dapat dilakukan, pembelajaran berkesan akan berlaku dalam kalangan anak-anak tersebut. Oleh itu, dalam pemerolehan bahasa peranan ibu bapa dan guru dalam memberikan rangsangan yang tepat terhadap pelajar amat diperlukan bagi membolehkan mereka mengujarkan sesuatu perkataan dengan betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 DAPATAN KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa dapatan kajian berkaitan isu lisan di negara ini. Kajian tersebut menyentuh beberapa isu yang sering terjadi dalam lisan.

i. Kajian Liew Siew Lin et al. (2003), berkaitan analisis kesalahan penggunaan kata sendi nama dalam kalangan pelajar Cina tingkatan 2 di sebuah sekolah kebangsaan di Sarawak serta kajian Zamri Mahamod, Norlela Abdollah dan Zaleha Masiman (2006) di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Johor Bahru mendapati bahawa terdapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelemahan pelajar cina dalam penguasaan bahasa Melayu *dalam pertuturan* terutama melibatkan penggunaan imbuhan dan kata sendi.

ii. Dapatan kajian yang dilakukan oleh pelajar Universiti Putra Malaysia dalam Media Sandra Kasih (2003) pula mendapati bahawa pelajar Cina mengalami kesukaran untuk mempelajari bahasa Melayu kerana terdapat perbezaan struktur ayat, perbezaan bunyi 'l' dan 'r', kelas kata dan susunan ayat. Dalam kajian tersebut didapati juga pelajar India kerap melakukan pengguguran bunyi 'h' pada akhir kata, penggantian fonem 'b' oleh fonem 'p', hukum D-M, pengguguran kata sendi dan penggunaan kata hubung semasa bertutur.

iii. Kajian yang dilakukan oleh Farid M. Onn dan Ajid Che Kob (1981) yang mendapati 68.4 peratus pelajar dan 43.3 peratus guru bahasa Melayu di Kelantan dan Terengganu menggunakan dialek harian ketika proses pengajaran dan pembelajaran (*interaksi lisan*). Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Zamri Mahamod et al. (2004 dan 2006), yang menunjukkan bahawa dialek atau bahasa ibunda mempengaruhi pemerolehan bahasa Melayu pelajar Melayu dan bukan Melayu.

iv. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh S. Nathesan (1999), menyatakan bahawa dalam soal bahasa, pengguna bahasa menggunakan bentuk bahasa yang sudah menjadi lazim dalam kalangan penutur bahasa berkenaan. Hal ini disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd. Hilmi Ismail

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(1982) menjelaskan bahawa kebiasaan menggunakan bahasa pasar akan menyebabkan pelajar di sekolah menengah di daerah Selangor tidak dapat *bertutur* dengan baik dalam bahasa Melayu sewaktu berkomunikasi, walaupun dapat berbuat demikian sewaktu membaca.

v. Kajian yang dilakukan oleh Awang Mohd Amin (1982) mendapati bahawa semasa bertutur pelajar lelaki kerap melakukan kesalahan berbanding pelajar perempuan. Dapatan ini disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Kamaruddin Hj. Hussein (1986) dan Supian Mohd. Noor (1994), menyatakan faktor jantina dan sosioekonomi juga mempengaruhi pertuturan pelajar. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih banyak melakukan kesalahan bahasa semasa bertutur berbanding perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8.1 Pandangan Ahli Bahasa

Menurut Kamaruddin Hj. Husin (1999), komponen lisan adalah asas kepada peningkatan penguasaan semua mata pelajaran atau kecekapan berbahasa seseorang. Kelemahan pelajar untuk berkomunikasi dengan sempurna akan menyebabkan mereka merasa tidak yakin pada diri sendiri dan menyisihkan diri daripada rakan serta guru. Hal ini secara tidak langsung menjejaskan prestasi pelajar dalam mata pelajaran. Selain itu, ibu bapa boleh dipertanggungjawab atas kegagalan dan kelemahan berbahasa yang berlaku dalam kalangan anak-anak mereka. Sesetengah ibu bapa kurang mengambil tahu tentang perkembangan bahasa lisan anak-anak mereka kerana lebih mementingkan kebolehan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membaca dan menulis. Selain itu, menurut Kamaruddin Hj. Husin dan Siti Hajar (1997), salah satu gangguan yang wujud dalam lisan ialah gangguan daripada bahasa ibunda atau dialek pertuturan harian, bahasa daerah dan bahasa pasar. Kesalahan umum seperti ejaan, sebutan adalah berpunca daripada dialek.

Berdasarkan teori mentalis, menurut Naom Chomsky (Abd Aziz Abd Talib, 2000: 18), bahasa dianggap sebagai aktiviti mental yang berkait rapat dengan keupayaan semula jadi dalam otak manusia. Oleh itu, dalam proses tumbesaran, kanak-kanak akan meniru dan bertutur dengan bahasa yang didengarnya, iaitu yang dituturkan oleh ibu bapa, ahli keluarga, rakan sebaya, orang dewasa dan guru di sekolah.

Berdasarkan kajian dan kenyataan tersebut kesimpulan yang boleh dibuat dalam proses pemerolehan bahasa oleh manusia terdapat beberapa faktor yang mempengaruhinya seperti ibu bapa, persekitaran, latar belakang pelajar dan minat. Menurut Abd. Aziz Abd. Talib (2000:23) hal ini boleh dimudahkan dengan konsep bahawa terdapat dua faktor yang mempengaruhi kebolehan dalam lisan pelajar yang digambarkan seperti berikut:

a. murid itu sendiri
b. ibu bapa dan ahli keluarga
c. pergaulan sosial murid

} Faktor dalaman

d. persekitaran
e. guru

} Faktor luaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini diperkukuhkan dengan pandangan beliau, bahawa pengaruh gaya bahasa dan cara berinteraksi pelajar, struktur, teknik bercakap dan idiom-idiom bahasa yang selalu digunakan oleh keluarga turut mempengaruhi kemahiran lisan pelajar.

2.9 KESIMPULAN

Secara ringkasnya, dapatlah disimpulkan bahawa penguasaan Bahasa Melayu sangat penting kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi. Sikap positif dan yakin terhadap kebolehan berbahasa Melayu mampu mendorong para pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh dalam mempelajari mata pelajaran yang lain dan mampu berkomunikasi dengan lancar dalam pelbagai situasi.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Selain itu, sikap positif terhadap penggunaan Bahasa Melayu perlu dipupuk sejak kecil lagi melalui penggunaan pelbagai pendekatan psikolinguistik yang mampu meningkatkan tahap kemampuan pelajar menguasai kemahiran berbahasa yang lancar. Pendekatan yang bekesan perlu dikaji dan diadaptasi di semua sekolah bermula dengan peringkat rendah. Hal ini kerana, kebolehan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan Bahasa Melayu perlu diterapkan dan dilatih sejak di bangku sekolah rendah. Sekiranya perkara ini diberikan perhatian serius oleh semua pihak maka hasrat yang terkandung dalam objektif akhir pendidikan Bahasa Melayu akan tercapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB III

METODOLOGI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini menerangkan prosedur dan kaedah kajian yang diguna pakai oleh pengkaji. Selain itu, bab ini juga merangkumi penerangan tentang reka bentuk kajian, populasi dan pemilihan sampel, alat kajian, tatacara pemerolehan data dan penganalisisan data yang digunakan untuk menguji hipotesis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah kajian tinjauan dalam pendekatan kuantitatif. Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau kesan pelaksanaan Ujian Lisan Bahasa Melayu (ULBM) terhadap pelajar sekolah. Menurut Tuckman (1994), kaedah tinjauan sering digunakan dalam pendidikan khususnya dalam kajian-kajian di sekolah. Perkara ini turut disokong oleh Wiersma (2000) yang mengakui bahawa kajian tinjauan merupakan kaedah yang sesuai dan baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai persepsi dan pencapaian.

Reka bentuk ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data. Johnson (1994) telah menyenaraikan tiga kelebihan dengan menggunakan kaedah ini. Pertama, soal selidik boleh melibatkan responden yang ramai. Kedua, kajian hubungan dan perbezaan dapat dilakukan dan kelebihan yang ketiga ialah dapat menghasilkan maklumat yang boleh menggunakan pelbagai kaedah statistik bagi mempelbagaikan dapatan kajian. Penggunaan soal selidik sebagai instrumen adalah amat bersesuaian dalam kajian ini, iaitu data akan dipungut sekali sahaja. Tinjauan akan dibuat melalui pertemuan antara guru terbabit bagi membolehkan data dari sampel di lokasi sekolah dipungut.

3.3 POPULASI DAN SAMPEL

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada 80 pelajar sekolah menengah kerajaan yang bersekolah di sekolah menengah daerah Kinta, Negeri Perak. Disebabkan kekangan dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

segi kewangan dan waktu maka jumlah responden yang dipilih terpaksa dihadkan. Namun begitu, ia adalah selari dengan saranan Mohd Majid (2005) yang menggalakkan penggunaan saiz responden yang melebihi 30 orang kerana andaian taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz responden melebihi 30 orang. Beliau juga menggalakkan penggunaan sebanyak mana responden yang boleh diperoleh kerana pertambahan saiz responden akan lebih mewakili populasi.

Selain itu, Gay (1981) mencadangkan bahawa untuk kajian berbentuk tinjauan (kajian cirian), sampel harus berjumlah 10 peratus daripada populasi yang disampel. Beliau menyarankan bahawa jika populasi untuk tinjauan itu kecil (kurang daripada 500), 20 peratus populasi harus dimasukkan ke dalam sampel. Oleh itu, sampel kajian seramai 80 orang pelajar sekolah menengah kerajaan yang sedang bersekolah di dua buah sekolah daerah Kinta di Negeri Perak telah dipilih bagi kajian ini dan mewakili lebih daripada 40% jumlah populasi yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persampelan berstrata dilakukan ke atas populasi kajian bagi memilih sampel kajian, iaitu sekolah-sekolah dibahagikan kepada dua strata : kategori sekolah yang terletak di sekitar kawasan bandar dan juga sekolah yang terletak di lokasi luar bandar. Penentuan kategori sekolah bandar dan luar bandar adalah seperti yang telah dinyatakan dalam Senarai Sekolah, Alamat dan Enrolmen bagi Negeri Perak (data EMIS) oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan di Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah dikemaskinikan sehingga 31 Januari 2007. Kemudian, persampelan secara rawak pula dilakukan pada kedua-dua kategori tersebut bagi memilih sampel

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian iaitu 125 buah sekolah adalah daripada kategori bandar manakala 75 buah lagi adalah daripada kategori luar bandar.

Di samping itu, persampelan berstrata adalah prosedur terbaik, iaitu stratifikasi dilakukan kepada pemboleh ubah bersandar yang paling relevan seperti umur, jantina, status sosioekonomi, bangsa, saiz komuniti dan kedudukan geografi subjek. Hal ini relevan kerana setiap strata adalah berbeza daripada satu sama lain untuk diuji kepada kategori yang lain (Mehrens dan Lehmann 1984). Pendapat ini disokong oleh Alias (1996) yang menyatakan bahawa ahli dalam setiap strata mempunyai sifat yang seragam tetapi berbeza antara strata.

Secara umumnya, pemilihan sekolah tersebut sebagai tempat kajian dilakukan dengan mengambil kira pandangan Marshall dan Rossman (1995) yang menggariskan empat perkara yang perlu dimabil perhatian, iaitu :

i. Tiada halangan untuk menjalankan kajian. Dalam hal ini, pengkaji mendapati pelajar yang terlibat memberikan respons yang baik. Pihak sekolah juga telah bersetuju untuk memberikan kerjasama semasa proses pengumpulan data.

ii. Mempunyai kemungkinan yang tinggi untuk melaksanakan pengumpulan data dengan baik dan wujudnya minat serta kerjasama daripada responden. Dalam hal ini, penyelidik yakin dapat memperoleh data yang diperlukan untuk kajian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana penyelidik mendapat kerjasama yang baik daripada pihak sekolah dan reponden.

iii. Berkemampuan untuk membina hubungan saling mempercayai antara responden dan pengkaji. Dalam perkara ini, pengkaji berjaya mewujudkan suasana erat dalam erti mempercayai dan harmoni. Pengkaji juga terlebih dahulu memaklumkan kepada responden akan tujuan borang soal selidik dan juga kajian yang dijalankan.

iv. Berkeyakinan untuk mendapatkan data yang berkualiti dan mempunyai kreadibiliti untuk tujuan kajian. Justeru, responden yang telah dipilih merupakan pelajar tingkatan 4 yang mengikuti Ujian Lisan Bahasa Melayu di sekolah terbabit. Pelajar lain tidak terlibat dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 ALAT KAJIAN

Instrumen utama yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah soal selidik. Soal selidik ini diberikan kepada 80 responden daripada sampel terpilih untuk diisi. Instrumen ini amat bersesuaian dengan penyelidikan yang dijalankan kerana melaluinya pelbagai pertanyaan berkaitan penyelidikan dapat digubal dengan kemas dan sistematik bagi mendapatkan data yang diperlukan. Soal selidik ini telah diadaptasi daripada soal selidik yang dibina oleh Johari Sidek (2009) dan Puteh Ahmad (2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Pembinaan Alat Kajian

Pengkaji menggunakan dua jenis soal selidik, iaitu soal selidik jawapan yang boleh dipilih oleh pelajar dan soal selidik jawapan diberi oleh pengkaji. Bagi usaha memperoleh data dan maklumat yang maksimum secara berkesan, gabungan kedua-dua jenis soal selidik berkenaan digunakan bagi tujuan penyelidikan (Mohd. Majid Konting, 2005).

Soal selidik jawapan dipilih atau dikenali sebagai soal selidik bentuk tertutup, mengkehendaki sampel memilih jawapan yang disediakan. Sampel menandakan takat atau unit pada skala atau memeringkatkan satu siri pernyataan dalam aturan mengikut kepentingan (1,2,3 atau 4). Soal selidik berbentuk tertutup senang ditadbir untuk membantu sampel menumpukan kepada subjek dan melicinkan proses penjadualan dan kerja-kerja menganalisis data (Deebold P. Van Dalen 1993).

Borang soal yang dibentuk bertujuan untuk mengumpul maklumat tentang kecenderungan genre bacaan yang menjadi kegemaran pelajar-pelajar tingkatan empat di dua buah sekolah yang telah dipilih. Selain itu, alat kajian ini juga dapat menterjemahkan kefahaman pelajar tersebut terhadap konsep, perlaksanaan dan juga impak Ujian Lisan yang dijalankan di sekolah kepada pelajar. Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian. Huraian setiap bahagian soal selidik dinyatakan seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian A

Dibina bertujuan mendapatkan maklumat tentang latar belakang pelajar. Dalam bahagian ini item-item yang diutarakan seperti jantina, keturunan, kumpulan pelajar dan gred Ujian Lisan yang telah diduduki pertama kali semasa di tingkatan 4.

Bahagian B

Bahagian ini dipenuhi dengan pernyataan bagi mendapatkan maklumat tentang kefahaman pelajar terhadap konsep perlaksanaan Ujian Lisan Bahasa Melayu. Dalam bahagian ini terdapat 13 item pernyataan yang menghubungkan kefahaman pelajar berkaitan isu tersebut.

Bahagian C

Bahagian ini dibina bagi tujuan mendapatkan maklumat tentang kefahaman pelajar terhadap proses pelaksanaan Ujian Lisan di sekolah. Dalam bab ini, terdapat 13 item soalan yang berkaitan dengan proses pelaksanaan program tersebut.

Bahagian D

Bahagian ini pula dibina untuk tujuan mendapatkan maklum balas atau impak daripada pelaksanaan Ujian Lisan kepada pelajar tingkatan empat tersebut. Bahagian akhir soal selidik ini menyisipkan sebanyak 13 item pernyataan dengan maklum balas atau impak daripada pelaksanaan ujian tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Pecahan Kriteria Soalan Bahagian A, B, C dan D

Skala	Subkala	Item-item
Bahagian A	1. Latar Belakang Responden a. Jantina b. Keturunan c. Kumpulan Pelajar d. Gred ULBM	6 item
Bahagian B	2. Konsep Pelaksanaan ULBM a. Kefahaman responden	13 item
Bahagian C	3. Proses Pelaksanaan ULBM a. Kefahaman Responden	13 item
Bahagian D	4. Kesan Pelaksanaan ULBM a. Terhadap pelajar	13 item

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian

Item-item ini telah diambil dan diubah suai daripada instrumen kajian yang digunakan oleh Johari Sidek (2009) dan Puteh Ahmad (2003). Item-item yang terkandung di Bahagian A : Latar Belakang Pelajar Sekolah dalam kajian ini telah diambil dan diubah suai daripada Bahagian I : Latar Belakang Pelajar Sekolah Rendah oleh kajian Johari Sidek (2009) dan Puteh Ahmad (2003). Manakala item-item dalam Bahagian B, C dan D: kesan pelaksanaan ULBM telah diadaptasi dan diubah suai daripada Bahagian B,C dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

D: Soal Selidik Respons Pelajar Tahun Lima terhadap Program Nilam di Daerah Bentong yang digunakan dalam kajian Johari Sidek (2009). Tahap kesahan soal selidik yang digunakan oleh Johari Sidek ialah pada tahap *Cronbach Alpha* 0.845 dan tahap ini dianggap amat baik. Perkara ini disokong oleh Nunnally (1978) yang menyatakan bahawa nilai *Cronbach Alpha* ini adalah sangat tinggi bagi instrumen yang pertama kali digunakan dalam kajian.

3.4.3 Pemboleh Ubah Kajian

Pemboleh ubah dalam kajian ini terbahagi kepada dua jenis iaitu pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar terdiri dari faktor demografi seperti jantina, bangsa, lokasi sekolah dan markah ULBM. Manakala pemboleh ubah bersandar pula adalah kesan pelaksanaan ULBM terhadap pelajar pula meliputi kesan ULBM terhadap diri, kefahaman proses pelaksanaan, dan kefahaman konsep ULBM yang dijalankan.

3.5 TATACARA PEMEROLEHAN DATA

Pada peringkat permulaan, pengkaji telah mendapatkan surat untuk mengadakan penyelidikan daripada pejabat Institut Pengajian Siswazah. Kemudian pengkaji mendapatkan tandatangan daripada penyelia sebagai tanda kebenaran untuk melanjutkan permohonan ke Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah unit Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Setelah itu, pengkaji hadir di Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Pejabat Daerah Kinta Selatan untuk bertemu dengan pengwai yang berkenaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi memohon kebenaran menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah yang berkenaan. Kemudian pengkaji memulakan penyelidikan dengan menyediakan salinan soal selidik mengikut bilangan responden, iaitu sebanyak 80 set bagi 2 buah sekolah.

Pengkaji terlebih dahulu mengadakan perbincangan secara tidak formal dengan guru-guru bahasa Melayu yang telah dikenal pasti berkenaan tujuan penyelidikan. Setelah itu, pengkaji memanjangkan surat permohonan beserta surat kebenaran daripada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pejabat Daerah Kinta Selatan kepada pengetua sekolah berkenaan. Pengkaji juga turut memohon kerjasama daripada guru bahasa Melayu untuk membimbing sampel menjawab borang soal selidik supaya maklumat yang dikumpulkan itu tepat dan dipercayai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji memberikan tempoh selama 7 hari kepada guru bahasa Melayu sekolah berkenaan bagi menyempurnakan soal selidik yang diberikan. Selepas tempoh yang diberikan itu tamat, pengkaji akan mengumpulkan kesemua data yang telah lengkap diisi oleh responden.

3.6 TATACARA PENGANALISISAN DATA

Kajian yang dilakukan melibatkan kaedah pengukuran secara kuantitatif. Oleh itu, dalam usaha menganalisis maklumat dan data yang telah dipungut, pengkaji telah mengguna pakai perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS version 16.0).* Analisis yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilakukan berdasarkan hipotesis kajian yang dikemukakan dalam bab 1. Setiap hipotesis kajian dianalisis berdasarkan:

i. Min markah Ujian Lisan Bahasa Melayu secara keseluruhan
ii. Min markah ujian berdasarkan jantina
iii. Min markah ujian berdasarkan keturunan
iv. Min markah ujian berdasarkan kumpulan pelajar

Proses penganalisisan data dilakukan apabila semua data telah dikumpul dan proses ini merupakan prosedur bagi mengubah data mentah yang terdiri daripada angka-angka nominal, ordinal, sela dan nisbah kepada bentuk yang membolehkan pengkaji menguji hipotesis (Van Dalen, 1999). Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan SPSS v.16 bagi melihat hipotesis nul kajian diterima atau ditolak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik infrensi. Statistik deskriptif digunakan untuk memerihalkan maklumat latar belakang sampel khususnya berkaitan jantina, kumpulan pelajar dan bangsa. Manakala statistik infrensi digunakan untuk menguji hipotesis nul kajian yang telah dibina.

3.6.1 Analisis Deskriptif

Pemerihalan data yang digunakan bagi menghasilkan taburan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi latar belakang sampel kajian. Statistik deskriptif ini digunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah untuk mendapatkan kekerapan dan peratus pemahaman pelajar terhadap ULBM dan impak ULBM yang dijalankan kepada pelajar. Selain itu, statistik ini juga digunakan bagi menggambarkan min markah, keturunan dan kumpulan pelajar dalam melaksanakan Ujian Lisan Bahasa Melayu.

3.6.2 Analisis Infrensi

Statistik infrensi adalah berkaitan dengan kajian berkenaan populasi (Alias 1999). Populasi merangkumi setiap ahli yang terdapat dalam populasi sampel. Populasi bagi kajian ini adalah semua pelajar (aliran sains dan sastera yang terpilih) yang sedang belajar di tingkatan 4, di dua buah sekolah di daerah Kinta Selatan. Dalam kajian ini tiga jenis aplikasi statistik infrensi digunakan, iaitu Ujian-t, kolerasi Pearson *r* dan ANOVA sehala. Berikut diterangkan secara ringkas mengenai setiap aplikasi yang dinyatakan :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Ujian-t

Ujian-t merupakan ujian parametrik yang digunakan untuk menganalisis perbezaan antara dua set skor (pemboleh ubah). Ujian-t yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk melihat perbezaan antara jantina, kumpulan pelajar dengan konsep dan pelaksanaan Ujian Lisan Bahasa Melayu (seperti dalam hipotesis 1, 2, 4, 5).

ii. ANOVA sehala

Ujian ini sesuai digunakan untuk menjawab persoalan perbandingan lebih daripada dua kumpulan. Cara ini membolehkan pengkaji membuat perbandingan lebih daripada dua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kumpulan secara serentak dan ujian ini juga mampu menguji perbezaan *min* kumpulan tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji memilih aras 0.05 dan 0.01. (seperti dalam hipotesis 1, 3 dan 6)

iii. Kolerasi Pearsons *r*

Kolerasi bermaksud ’perkaitan’, ’hubungan’ yang boleh disamaertikan dengan kaedah statistik, iaitu melibatkan korelasi antara dua pemboleh ubah yang dikaji. Dalam kajian ini kolerasi Pearsons *r* digunakan bagi melihat hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat, iaitu hubungan pemahaman pelajar terhadap ULBM dengan kesan pelaksanaan ULBM di sekolah dan untuk melihat juga hubungan antara kefahaman pelajar terhadap tujuan pelaksanaan dengan kesan pelaksanaan ULBM di sekolah (seperti dalam hipotesis 8 dan 9). Jadual bagi anggaran kekuatan hubungan antara pemboleh ubah dan min boleh dirujuk dalam jadual berikut:

Jadual 3.5

Jadual Skor Min

Skala	**Tahap**
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber : Disesuaikan daripada Mohd. Majid (2000) dan Norasmah (2002)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.6

Jadual Anggaran Kekuatan Perhubungan antara Dua Pemboleh Ubah

Pekali Korelasi	Kekuatan Hubungan
0.00 – 0.20	Boleh Diabaikan
0.20 – 0.40	Rendah
0.40 – 0.60	Sederhana
0.60 – 0.80	Tinggi
0.80 – 1.00	Sangat Tinggi

Sumber : Alias (1999)

3.7 RUMUSAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ahmad Mahdzan (1992) menyatakan bahawa penyelidikan ialah usaha yang sistematik untuk menyediakan jawapan kepada setiap persoalan kajian, mampu mencapai objektif-objektif kajian, menyediakan penerangan kepada persoalan yang dikaji dan mengaitkan hipotesis dengan teori. Pandangan Ahmad Mahdzan ini sealiran dengan Tuckman (1994) yang menyatakan bahawa penyelidikan merupakan satu proses tersusun dan mempunyai peraturan-peraturan tertentu bagi mengendalikannya. Justeru, bab ini telah menerangkan secara terperinci tentang tata cara kajian ini dijalankan iaitu bermula daripada reka bentuk kajian, pemilihan responden kajian, pengumpulan maklumat hinggalah ke peringkat kaedah tinjauan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB IV

ANALISIS DAN INTERPRETASI DATA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pencapaian gred Ujian Lisan bahasa Melayu pelajar, pemahaman pelajar akan proses, konsep dan kesan Ujian Lisan Bahasa Melayu (ULBM) yang dijalani oleh pelajar tingkatan 4 di dua buah sekolah daerah Kinta Selatan, Perak.

Di samping itu, kajian ini melihat sama ada terdapat perbezaan gred yang diperoleh berdasarkan jantina, bangsa dan kumpulan pelajar di sekolah berkenaan. Selain daripada itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat sama ada terdapat korelasi antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

jantina, bangsa dan kumpulan pelajar dengan pemahaman serta kesan pelaksanaan ULBM terhadap pelajar tingkatan 4 yang terlibat.

Selain di atas, bahagian ini turut membincangkan maklumat yang telah dianalisis berdasarkan respon responden terhadap soal selidik yang telah dijalankan. Penganalisaan data dibuat melalui analisis statistik deskriptif dan analisis infrensi bagi menghuraikan profil responden dan menjawab hipotesis nul kajian.

4.2 LATAR BELAKANG SAMPEL

Satu kajian telah dilaksanakan terhadap 80 orang pelajar tingkatan 4 yang terdiri daripada pelbagai kaum di dua buah sekolah di daerah Kinta Selatan. Jadual 4.1 menunjukkan jumlah sampel yang melibatkan 16 (47%) orang pelajar lelaki dan 24 (52%) orang pelajar perempuan dari SMK SK dan 18 (53%) orang pelajar lelaki serta 22 (48%) orang pelajar perempuan dari SMK MN. Sampel ini merupakan pelajar yang belajar secara formal di tingkatan 4 sekolah berkenaan dalam 2 aliran, iaitu aliran Sains dan aliran Kemanusiaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Taburan Responden Mengikut Sekolah dan Jantina Pelajar

Nama Sekolah	Jantina		Jumlah (%)
	Lelaki (%)	Perempuan (%)	
1. SMK SK	16 (47)	24 (52)	40 (100)
2. SMK MN	18 (53)	22 (48)	40 (100)

- SMK SK : Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kampar
- SMK MN : Sekolah Menengah Kebangsaan Malim Nawar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa sampel juga terdiri daripada pelbagai kaum dalam dua kelompok pelajar tersebut. Hal ini dapat dijelaskan berdasarkan Jadual 4.2 berikut:

Jadual 4.2

Taburan Responden Mengikut Jantina dan Bangsa

Jantina	Bangsa			Jumlah
	Melayu (%)	Cina (%)	India (%)	
Lelaki	30 (75)	6 (15)	4 (10)	40 (100)
Perempuan	27 (68)	6 (15)	7 (17)	40 (100)

Dalam Jadual 4.3 tersebut menerangkan jumlah pelajar lelaki dan perempuan yang dibahagikan dalam dua kumpulan pelajar, iaitu pelajar lelaki seramai 18 orang dalam kumpulan potensi dan 16 orang dalam kumpulan cemerlang manakala pelajar perempuan seramai 21 orang dalam kumpualan potensi dan 25 orang pula dalam kumpulan cemerlang.

Jadual 4.3

Taburan Responden Mengikut Jantina dan Kumpulan Pelajar

Jantina	Kumpulan Pelajar		Jumlah
	Potensi (%)	Cemerlang (%)	
Lelaki	18 (53)	16 (47)	34
Perempuan	21 (46)	25 (54)	46

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4 pula menunjukkan taburan respoonden berdasarkan kumpulan pelajar yang mengikut kaum, iaitu Melayu sebanyak 36 orang dan India seramai 3 orang pelajar dalam golongan potensi (aliran kemanusiaan) manakala seramai 21 orang pelajar Melayu, 12 orang pelajar Cina serta 8 orang pelajar India yang tergolong dalam kumpulan cemerlang (aliran sains).

Jadual 4.4

Taburan Pelajar Berdasarkan Bangsa dan Kumpulan Pelajar

Keturunan	Kumpulan Pelajar		
	Pontensi (%)	Cemerlang (%)	Jumlah (%)
Melayu	36 (63)	21 (37)	57 (71)
Cina	-	12 (100)	12 (15)
India	3 (27)	8 (73)	11 (14)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian menerusi soal selidik yang telah diedarkan kepada sampel. Dapatan ini dianalisis mengikut soalan dan hipotesis kajian yang telah dibincangkan dalam bab 1. Analisis berikut merupakan dapatan kajian yang dilakukan untuk menjawab soalan dan hipotesis kajian kajian berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1 Perbezaan Pencapaian Gred ULBM di Sekolah

Bagi menghuraikan penyataan tersebut, pendekatan analisis menerusi Jadual Rujuk Silang dapat menjelaskan perkara berikut bagi mengkaji perbezaan peratusan antara murid lelaki dan perempuan, bangsa dan kumpulan pelajar.

Dalam Jadual 4.5, responden perempuan dan lelaki yang mendapat gred sangat baik (36-40 markah) 18 orang berbanding 48 orang yang mendapat gred baik (28-35 markah) manakala seramai 14 orang lagi pelajar mendapat gred memuaskan (20-27 markah). Hal ini menunjukkan pelajar yang mendapat gred baik adalah tinggi. Manakala tiada pelajar yang mendapat gred kurang memuaskan dan pencapaian minimum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi pembahagian markah mengikut keturunan pula pelajar Melayu seramai 14 orang, Cina 3 orang dan India seorang yang berada pada gred sangat baik. Bagi gred baik pula pelajar Melayu seramai 36 orang, Cina 7 orang dan India 5 orang manakala untuk gred memuaskan pelajar Melayu seramai 7 orang, Cina 2 orang dan India 5 orang. Hal ini meunjukkan kaum bukan Melayu kurang mendapat gred tinggi dalam ULBM.

Dalam jadual berikut juga, kumpulan pelajar potensi dan cemerlang yang berada pada gred sangat baik dalam ULBM adalah sama, iaitu seramai 18 orang manakala pada gred baik pula jumlah melebihi dua kali ganda, iaitu seramai 48 orang pelajar dan pada gred memuaskan seramai 14 orang sahaja. Hal ini membuktikan bahawa dalam kumpulan pelajar, aliran potensi dan cemerlang tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dalam gred ULBM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Taburan Responden Mengikut Gred ULBM

Pemboleh ubah	Gred ULBM SB	B	M	KM	PM	Jumlah Sampel
i. Jantina						
Lelaki	6	23	5	-	-	34
Perempuan	12	25	9	-	-	46
	18	48	14	-	-	80
ii. Keturunan						
Melayu	14	36	7	-	-	57
Cina	3	7	2	-	-	12
India	1	5	5	-	-	11
	18	48	14	-	-	80
iii. Kumpulan Pelajar						
Potensi	9	25	5	-	-	39
Cemerlang	9	23	9	-	-	41
	18	48	14	-	-	80

- SB : Sangat Baik
- B : Baik
- M : Memuaskan
- KM : Kurang Memuaskan
- PM : Pencapaian Minimun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho_1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dalam pencapaian gred ULBM

Analisis ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat atau tidak perbezaan min jantina pelajar terhadap pencapaian gerd ULBM di sekolah. Bagi menentukan perbezaan ini, data dianalisis menggunakan ujian-t.

Berdasarkan analisis ujian t dalam Jadual 4.6 berikut, didapati t=0.248 dan nilai p=0.805. Dengan ini, Ho_1 diterima kerana nilai, p > 0.05. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan nilai min= 1.97 dan nilai sisihan piawai = 0.577 dengan pelajar perempuan dengan nilai min=1.93 dan nilai sisihan piawai = 0.680 terhadap pencapaian dalam gred ULBM di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Perbezaan Min Jantina Pelajar Terhadap Pencapaian Gred ULBM

Pemboleh Ubah	n	Min	s.p	t	p
Lelaki	34	1.97	0.577	0.248	0.805
Perempuan	46	1.93	0.680		

Signifikan pada aras p<0.05

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Pemahaman Pelajar Terhadap Konsep Pelaksanaan ULBM di Sekolah Berdasarkan Jantina, Kumpulan Pelajar dan Bangsa

Bagi menghuraikan penyataan tersebut, penyelidik telah menggunakan kaedah Ujian-t dan ANOVA berdasarkan soalan-soalan yang dijawab oleh responden terhadap soalan kaji selidik yang telah diberikan. Tujuannya adalah untuk meninjau pemahaman pelajar terhadap objektif pelaksanaan ULBM yang dijalankan di sekolah berdasarkan jantina, kumpulan pelajar dan bangsa. Secara keseluruhannya, untuk menganalisis pemahaman pelajar terhadap konsep pelaksanaan ULBM dalam kalangan pelajar sekolah menengah tingkatan 4, pengkaji telah mengemukan 13 item soalan (bahagian B) yang telah dijawab oleh semua 80 responden seperti dalam lampiran C. Oleh itu, bagi menjawab hipotesis nul pengkaji telah menganalisis data menggunakan min bagi setiap pemboleh ubah yang terlibat, justeru hipotesis nul bagi bahagian ini ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_{o2}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dengan pemahaman konsep ULBM

Analisis ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat atau tidak perbezaan min jantina pelajar terhadap kefahaman konsep pelaksanaan ULBM di sekolah. Bagi menentukan perbezaan ini, data dianalisis menggunakan ujian-t

Berdasarkan analisis ujian t dalam Jadual 4.7 berikut, didapati t=2.482 dan nilai p=0.152. Dengan ini, H_{o2} diterima kerana nilai, $p > 0.05$. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan nilai min= 1.06 dan nilai sisihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

piawai = 0.077 dengan pelajar perempuan dengan nilai min=1.12 dan nilai sisihan piawai = 0.144 terhadap pemahaman konsep pelaksanaan ULBM di sekolah.

Jadual 4.7

Perbezaan Min Jantina Pelajar Terhadap Konsep Pelaksanaan ULBM

Pemboleh Ubah	n	Min	s.p	_t	p ___
Lelaki	34	1.06	0.077	2.482	0.152
Perempuan	46	1.12	0.144		

Signifikan pada aras p<0.05

Ho_3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pelajar dengan pemahaman konsep ULBM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat atau tidak perbezaan min antara kumpulan pelajar terhadap kefahaman konsep pelaksanaan ULBM di sekolah. Bagi menentukan perbezaan ini, data dianalisis menggunakan ujian-t

Berdasarkan analisis ujian t dalam Jadual 4.8 berikut, didapati t=-3.71 dan nilai p=0.711. Dengan ini, Ho_3 tidak dapat ditolak kerana nilai p>0.05. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pelajar cemerlang dengan nilai min = 1.051 dan nilai sisihan piawai = 0.1225 dengan kumpulan pelajar potensi dengan nilai min=1.094 dan nilai sisihan piawai = 0.1278 terhadap pemahaman konsep pelaksanaan ULBM di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

Perbezaan Min Kumpulan Pelajar Terhadap Konsep Pelaksanaan ULBM

Pemboleh Ubah	n	Min	s.p	_t	p ___
Potensi	39	1.094	0.1278	-3.71	0.711
Cemerlang	41	1.051	0.1225		

Signifikan pada aras p<0.05

Ho_4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara keturunan pelajar dengan pemahaman konsep ULBM

Analisis ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat atau tidak perbezaan dua atau lebih pemboleh ubah, iaitu antara keturunan pelajar (Melayu, Cina dan India) terhadap kefahaman konsep pelaksanaan ULBM di sekolah. Bagi menentukan perbezaan ini, data dianalisis menggunakan Ujian ANOVA.

Berdasarkan analisis ANOVA dalam Jadual 4.9 berikut, menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara kaum Melayu, Cina dan India terhadap konsep pelaksanaan ULBM di sekolah. Maka Ho_4 diterima kerana p=0.14 >0.05.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Perbezaan Min antara Keturunan Pelajar dengan Konsep Pelaksanaan ULBM

Punca Variasi	Jumlah Kuasa Dua	dk	min kd	F	p
Antara Kumpulan	.067	2	0.34	2.23	0.14
Dalam Kumpulan	1.157	77	0.15		
Jumlah	1.224	79			

Signifikan pada aras p<0.05

4.3.3 Pemahaman Pelajar Terhadap Proses Pelaksanaan ULBM di Sekolah Berdasarkan Jantina, Kumpulan Pelajar dan Kaum

Bagi menghuraikan penyataan tersebut, penyelidik telah menggunakan kaedah Ujian-t dan ANOVA berdasarkan soalan-soalan yang dijawab oleh responden terhadap soalan kaji selidik yang telah diberikan. Tujuannya adalah untuk meninjau pemahaman pelajar terhadap proses pelaksanaan ULBM yang dijalankan di sekolah berdasarkan jantina pelajar, kumpulan pelajar dan kaum. Secara keseluruhannya, untuk menganalisis pemahaman pelajar terhadap proses pelaksanaan ULBM di sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah tingkatan 4 di daerah Kinta Selatan, pengkaji telah mengemukan 13 item soalan (bahagian C) seperti dalam lampiran D. Dalam lampiran tersebut, telah dianalisis pandangan umum keseluruhan 80 sampel terhadap soalan selidik bahagian B. Oleh itu, bagi menjawab hipotesis nul yang telah dibina pengkaji menganalisis data dengan mencari min bagi pemboleh ubah yang terlibat, justeru hipotesis nul bagi bahagian ini ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho_5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dengan pemahaman proses pelaksanaan ULBM

Analisis ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat atau tidak perbezaan min antara jantina pelajar lelaki dan perempuan terhadap pemahaman proses pelaksanaan ULBM di sekolah. Bagi menentukan perbezaan ini, data dianalisis menggunakan ujian-t

Berdasarkan analisis ujian t dalam Jadual 4.10 berikut, didapati t=0.827 dan nilai p=0.411. Dengan ini, Ho_5 tidak dapat ditolak kerana nilai p>0.05. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan nilai min = 1.278 dan nilai sisihan piawai = 0.1704 dengan pelajar perempuan dengan nilai min=1.244 dan nilai sisihan piawai = 0.1907 terhadap pemahaman proses pelaksanaan ULBM di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10

Perbezaan Min Jantina Pelajar Terhadap Proses Pelaksanaan ULBM

Pemboleh Ubah	n	Min	s.p	t	p
Lelaki	34	1.278	0.1704	0.827	0.411
Perempuan	41	1.244	0.1907		

Signifikan pada aras p<0.05

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ho_6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pelajar dengan pemahaman proses pelaksanaan ULBM

Analisis ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat atau tidak perbezaan min antara kumpulan pelajar yang cemerlang dan potensi terhadap pemahaman proses pelaksanaan ULBM di sekolah. Bagi menentukan perbezaan ini, data dianalisis menggunakan ujian-t

Berdasarkan analisis ujian t dalam Jadual 4.11 berikut, didapati t=1.123 dan nilai p=0.265. Dengan ini, Ho_6 tidak dapat ditolak kerana nilai p>0.05. Hal ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kupulan pelajar potensi dengan nilai min= 1.281 dan nilai sisihan piawai = 0.1999 dengan kumpulan pelajar cemerlang dengan nilai min=1.236 dan nilai sisihan piawai = 0.1626 terhadap pemahaman proses pelaksanaan ULBM di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11

Perbezaan Min Kumpulan Pelajar Terhadap Proses Pelaksanaan ULBM

Pemboleh Ubah	n	Min	s.p	t	p
Potensi	39	1.281	0.1999	1.123	0.265
Cemerlang	41	1.236	0.1626		

Signifikan pada aras p<0.05

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_{O7} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara keturunan pelajar dengan pemahaman proses pelaksanaan ULBM

Analisis ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat atau tidak perbezaan dua atau lebih pemboleh ubah, iaitu antara keturunan pelajar (Melayu, Cina dan India) terhadap pemahaman proses pelaksanaan ULBM di sekolah. Bagi menentukan perbezaan ini, data dianalisis menggunakan Ujian ANOVA.

Berdasarkan analisis ANOVA dalam Jadual 4.12 berikut, menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara kaum Melayu, Cina dan India terhadap proses pelaksanaan ULBM di sekolah. Maka H_{O7} diterima kerana p=0.30 >0.05.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Perbezaan Min antara Keturunan Pelajar dengan Proses Pelaksanaan ULBM

Punca Variasi	**Jumlah Kuasa Dua**	**dk**	**min kd**	**F**	**p**
Antara Kumpulan	.081	2	0.41	1.23	0.30
Dalam Kumpulan	2.537	77	0.33		
Jumlah	2.618	79			

Signifikan pada aras p<0.05

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.4 Hubungan antara Pemahaman Terhadap Konsep Pelaksanaan ULBM dan Pemahaman Terhadap Proses dan Kesan Pelaksanaan ULBM di Sekolah

Bagi menghuraikan penyataan tersebut, penyelidik telah menggunakan kaedah Kolerasi Pearson *r* berdasarkan soalan-soalan yang dijawab oleh responden terhadap soalan kaji selidik yang telah diberikan. Tujuannya adalah untuk meninjau hubungan antara pemahaman pelajar terhadap konsep, tujuan dan kesan pelaksanaan ULBM yang dijalankan di sekolah. Secara keseluruhannya, untuk menganalisis pemahaman pelajar terhadap konsep, tujuan dan kesan pelaksanaan ULBM di sekolah yang terlibat, pengkaji telah mengemukan 39 item soalan dalam lampiran A . Oleh itu, bagi menjawab hipotesis nul, pengkaji telah menganalisis data mentah tersebut dalam bentuk min agar boleh dikaji hubungan antara pe,beoleh ubah yang terlibat, justeru hipotesis tersebut adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_{o8}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemahaman konsep ULBM dengan kesan pelaksanaannya di sekolah

Analisis ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat atau tidak hubungan antara pemahaman terhadap konsep pelaksanaan ULBM dengan kesan pelaksanaan ULBM di sekolah. Untuk menentukan hubungann ini, data dianalisis dengan menggunakan korelasi Pearson *r*.

Hasil daripada analisis dalam Jadual 4.13, didapati bahawa wujud hubungan yang signifikan antara pemahaman terhadap konsep pelaksanaan ULBM dengan kesan pelaksanaan ULBM di sekolah, iaitu nilai r = 0.544 dan nilai p = 0.00. Dengan ini, Ho7

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ditolak kerana membuktikan bahawa wujud hubungan positif pada kadar yang tinggi antara pemahaman terhadap konsep pelaksanaan dengan kesan pelaksanaan ULBM di sekolah. Hal ini bermakna semakin tinggi pemahaman terhadap konsep pelaksanaan semakin tinggi juga tahap kesan pelaksanaan ULBM yang diperoleh pelajar.

Jadual 4.13

Hubungan Antara Konsep dan Kesan Pelaksanaan ULBM

Pemboleh Ubah	**min**	**s.p**	**r**	**r^2**	**p**
Konsep	1.100	0.1244	0.544	0.295	0.00
Kesan	1.251	0.2645			

Signifikan pada aras p<0.05

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_{o9}: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemahaman terhadap proses pelaksanaan ULBM dengan kesan pelaksanaan ULBM di sekolah

Analisis ini bertujuan untuk melihat sama ada terdapat atau tidak hubungan antara pemahaman terhadap proses pelaksanaan ULBM dengan kesan pelaksanaan ULBM di sekolah. Untuk menentukan hubungan ini, data dianalisis dengan menggunakan korelasi Pearson *r*.

Hasil daripada analisis dalam Jadual 4.14, didapati bahawa wujud hubungan yang signifikan antara pemahaman terhadap kesan pelaksanaan ULBM dengan proses pelaksanaan ULBM di sekolah, iaitu nilai r = 0.615 dan nilai p = 0.00. Dengan ini, Ho8 ditolak kerana membuktikan bahawa wujud hubungan positif pada kadar yang tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara pemahaman terhadap kesan pelaksanaan dengan proses pelaksanaan ULBM di sekolah. Hal ini bermakna semakin tinggi pemahaman pelajar terhadap proses pelaksanaan ULBM semakin tinggi juga tahap kesan pelaksanaan ULBM yang diperoleh pelajar.

Jadual 4.14

Hubungan Antara Kesan dan Proses Pelaksanaan ULBM

Pemboleh Ubah	**min**	**s.p**	**r**	**r^2**	**p**
Kesan	1.251	0.2164	0.615	0.378	0.00
Proses	1.258	0.1820			

Signifikan pada aras $p<0.05$

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 RINGKASAN KAJIAN

Keputusan Analisis Nul yang telah dianalisis dapat diringkaskan seperti dalam Jadual berikut:

Jadual 4.15

Keputusan Hipotesis Nul Kajian

HIPOTESISI NUL KAJIAN	**DAPATAN**
i. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dalam pencapaian gred ULBM.	Diterima
ii. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dengan pemahaman konsep ULBM	Diterima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pelajar dengan pemahaman konsep ULBM.	Diterima
iv. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara keturunan pelajar dengan pemahaman konsep ULBM.	Diterima
v. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar dengan pemahaman proses pelaksanaan ULBM.	Diterima
vi. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pelajar dengan pemahaman proses pelaksanaan ULBM.	Diterima
vii. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara keturunan pelajar dengan pemahaman proses pelaksanaan ULBM.	Diterima
viii. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemahaman konsep ULBM dan kesan pelaksanaannya di sekolah.	Ditolak
ix. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemahaman terhadap proses pelaksanaan ULBM dan kesan pelaksanaan ULBM di sekolah.	Ditolak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 KESIMPULAN DAPATAN

Dalam bahagian ini pengkaji telah merumuskan dapatan kajian bermula daripada latar belakang sampel dengan cara statistik deskriptif manakala statistik infrensi yang melibatkan Ujian t, ANOVA dan Kolerasi Pearson *r* diguna pakai bagi menganalisis hipotesis kajian.

Berdasarkan dapatan kajian, pelajar yang memperoleh gred sangat baik amat rendah (18 orang daripada 80 responden) jika dibandingkan dengan pelajar yang memperoleh tahap baik (48 orang daripada 80 responden), namum begitu tiada seorangpun pelajar yang mendapat gred kurang memuaskan dan pencapaian minimum. Selain itu, pelajar bukan Melayu kurang mendapat gred baik dan sangat baik dalam ULBM yang dijalankan, iaitu pelajar Cina hanya 3 orang daripada 80 responden yang mendapat gred sangat baik manakala pelajar India seorang sahaja yang mendapat gred sangat baik. Dalam kumpulan pelajar pula, (cemerlang dan potensi) tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dalam pemerolehan gred sangat baik dan baik dalam ULBM.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan pendapat antara jantina pelajar dengan konsep pelaksanaan ULBM di sekolah. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan pendapat antara jantina, kumpulan dan keturunan pelajar dengan proses pelaksanaan ULBM di sekolah. Di samping itu juga, dalam kajian ini membuktikan bahawa wujud hubungan yang sangat tinggi antara pemahaman pelajar antara konsep, proses dan kesan pelaksanaan ULBM di sekolah. Hal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini membuktikan bahawa semakin tinggi pemahaman pelajar terhadap konsep pelaksanaan ULBM semakin tinggi mereka memahami proses pelaksanaan ULBM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB V

RUMUSAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 PENDAHULUAN

Bahagian ini menerangkan secara ringkas tujuan kajian, persoalan kajian, reka bentuk kajian, pengumpulan data dan analisis data yang digunakan sepanjang kajian dijalankan oleh pemyelidik. Bahagian akhir ini juga mengupas dan membincangkan semua dapatan kajian, implikasi kajian, membuat rumusan dan cadangan kepada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 RINGKASAN KAJIAN

Secara ringkasnya kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan pelaksanaan Ujian Lisan Bahasa Melayu (ULBM) terhadap pelajar tingkatan 4 di dua buah sekolah daerah Kinta Selatan. Kajian ini ingin meninjau gred ULBM yang diperoleh pelajar sejak pertama kali mereka diperkenalkan dan menjalani ULBM di sekolah. Selain itu, kajian ini juga melihat sama ada terdapat perbezaan min antara jantina, keturunan pelajar dan kumpulan pelajar terhadap pemahaman pelajar akan konsep, proses dan kesan pelaksanaan ULBM di sekolah.

Reka bentuk kajian ini adalah satu kajian kualitatif jenis tinjauan. Alat kajian yang digunakan ialah satu set soal selidik yang mengandungi 4 bahagian, iaitu bahagian A: berkaitan latar belakang pelajar, bahagian B: berkaitan konsep pelaksanaan ULBM, bahagian C: berkaitan proses pelaksanaan ULBM dan bahagian D: berkaitan kesan pelaksanaan ULBM. Semua item soalan diedarkan kepada 80 responden tingkatan 4 di dua buah sekolah menengah daerah Kinta Selatan.

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan dua jenis statistik, iaitu statistik deskriptif dan statistik infrensi. Statistik deskriptif digunakan bagi memerihalkan maklumat berkaitan demografi responden manakala statistik infrensi (ujian rujuk silang, ujian t, ANOVA, kolerasi Pearson *r*) digunakan untuk menguji hipotesis yang telah dibina dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan perkara berkaitan soalan kajian dan hipotesis yang dibina.

5.3.1 Pencapaian Pelajar Terhadap Gred ULBM

Daripada analisis yang dijalankan didapati, pelajar perempuan memperoleh gred yang sangat baik dalam ULBM (12 orang daripada 46 orang pelajar) melebihi pelajar lelaki (6 orang daripada 34 orang pelajar). Hal ini menyokong pandangan yang dikemukan oleh Zamri Mahamod (2007 : 165) berkaitan perkara yang mempengaruhi pertuturan antaranya, kanak-kanak perempuan didapati lebih dahulu bercakap daripada kanak-kanak lelaki dan menguasai bahasa serta perbendaharaan kata yang luas. Hal ini disebabkan perkembangan jasmani kanak-kanak berkaitan urat saraf pertuturan berlaku lebih pantas daripada kanak-kanak lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian juga, didapati pelajar bukan Melayu kurang memperoleh gred yang tinggi dalam ULBM, pelajar Cina hanya 3 (25%) orang daripada 12 orang pelajar Cina yang memperoleh gred sangat baik manakala pelajar India hanya seorang (9.0%) daripada 11 orang pelajar India yang memperoleh tahap sangat baik dalam ULBM. Hal ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Narayan Kunci Raman (1993) dan Suthanthiradevi, mendapati pelajar India menghadapi masalah menggunakan vokal atau konsonan tertentu bahasa Melayu yang agak asing kepada mereka. Apabila kata-kata Melayu dipinjamkan daripada bahasa lain yang dituturkan berlaku perubahan bunyi-bunyi vokal dan konsonan tertentu bahasa Melayu yang terhampir dengan bahasa Tamil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Atas dasar ini juga banyak pelajar bukan Melayu yang kurang mendapat markah yang sangat baik dan baik dalam Ujian Lisan Bahasa Melayu.

5.3.2 Perbezaan Pemahaman Pelajar Terhadap Konsep Pelaksanaan ULBM di Sekolah Berdasarkan Jantina, Kumpulan Pelajar dan Kaum

Berdasarkan analisis yang dilakukan dalam hipotesis (2, 3, dan 4) didapati tidak terdapat perbezaan yang ketara antara min pelajar lelaki dan perempuan, kumpulan pelajar dan kaum berkaitan pemahaman terhadap konsep pelaksanaan ULBM di sekolah. Hal ini bermakna, semua pandangan pelajar terhadap konsep pelaksanaan ULBM adalah sama. Hal ini juga boleh dibuktikan melalui analisis deskriptif yang dinyatakan dalam Lampiran C. Dalam item soalan pertama dan kedua, semua pelajar bersetuju bahawa Ujian Lisan Bahasa Melayu ialah taksiran lisan dan ujian tersebut menggalakkan pelajar berkomunikasi. Oleh itu, ternyatalah bahawa objektif dalam ujian lisan, iaitu menggalakkan pelajar untuk berkomunikasi boleh tercapai kerana bertepatan dengan respons pelajar.

5.3.3 Perbezaan Pemahaman Pelajar Terhadap Proses Pelaksanaan ULBM di Sekolah Berdasarkan Jantina, Kumpulan Pelajar dan Kaum

Berdasarkan analisis yang dilakukan dalam hipotesis (5, 6, dan 7) didapati tidak terdapat perbezaan yang ketara antara min pelajar lelaki dan perempuan, kumpulan pelajar (cemerlang dan potensi) dan kaum (Melayu, Cina dan India) berkaitan pemahaman terhadap proses pelaksanaan ULBM di sekolah. Hal ini bermakna, semua pandangan pelajar terhadap proses pelaksanaan ULBM adalah sama. Selain itu, hal ini boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibuktikan dalam lampiran D berdasarkan item soalan nombor tiga: berkaitan peranan guru menjelaskan proses pelaksanaan ULBM kepada pelajar seramai 78 responden bersetuju dengan penyataan tersebut dan item soalan nombor lima: berkaitan peranan guru membantu pelajar yang tidak memahami proses pelaksanaan ULBM, semua responden bersetuju dengan penyataan tersebut. Justeru, kebanyakan responden memahami proses pelaksanaan ULBM yang dijalankan di sekolah.

5.3.4 Hubungan antara Pemahaman terhadap Konsep Pelaksanaan ULBM dan Pemahaman terhadap Proses Pelaksanaan ULBM serta Kesan Pelaksanaan ULBM di Sekolah

Daripada analisis yang menggunakan kolerasi Pearsons *r*, didapati terdapat hubungan yang ketara antara pemahaman terhadap konsep dan kesan pelaksanaan ULBM di sekolah. Oleh itu, hipotesis kajian kelapan ditolak kerana dari analisis didapati nilai p=0.00 mempunyai kaitan yang sangat kuat antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Hal ini bermakna semakin tinggi tahap pemahaman pelajar terhadap ULBM semakin tinggi juga mereka memahami kesan pelaksanaan ULBM di sekolah. Selain itu, daripada analisis yang diperoleh juga mendapati bahawa terdapat perkaitan yang sangat kuat antara pemahaman pelajar terhadap proses dan kesan pelaksanaan ULBM.

Namum begitu, merujuk dalam Lampiran E (Kesan Pelaksanaan ULBM), item soalan kesepuluh ; berkaitan pelajar mengikuti pertandingan bahas setelah menjalani ULBM tidak dipersetujui oleh responden seramai 72 (90%). Hal ini membuktikan bahawa ULBM masih belum mampu mendorong dan melahirkan pelajar yang mampu berbahas di khalayak ramai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 KESIMPULAN DAPATAN KAJIAN

Kemahiran bertutur merupakan elemen penting sama ada dalam situasi formal atau tidak formal. Kemahiran ini sangat penting bagi sesorang itu dalam hubungannya dengan orang lain terutamanya remaja yang masih boleh dilentur menggunakan bahasa yang tepat. Selain dapat menjana pemikiran kreatif, kemahiran bertutur/lisan juga dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran menulis mereka. Pelajar dipercayai dapat memperluas penggunaan kosa kata mereka seterus dalam menulis ayat atau karangan jika mampu bertutur dengan cekap. Justifikasi tersebut meletakkan usaha menggalakkan pelajar bertutur dengan baik mestilah diberikan perhatian oleh sekolah dan keluarga. Keberkesanan dan kejayaan Ujian Lisan Bahasa Melayu yang dilaksanakan kepada pelajar bergantung kepada sokongan daripada pengaruh persekitaran, justeru pelaksanaan Ujian Lisan di sekolah adalah suatu usaha murni dan amat baik serta perlu dimantapkan lagi.

5.5 IMPLIKASI KAJIAN

Keputusan atau hasil yang diperoleh daripada dapatan kajian memberikan implikasi secara langsung terhadap proses Ujian Lisan Bahasa Melayu di sekolah. Daripada dapatan kajian beberapa implikasi diperoleh dan jika dilaksanakan dengan terancang dan sistematik, maka akan meningkatkan keberkesanan Ujian Lisan tersebut.

Pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pelaksanaan Ujian Lisan Bahasa Melayu seperti ibu bapa, guru, Jabatan Pendidikan, Kementerian Pelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia dan sebagainya perlu melakukan tindakan yang tepat agar Ujian Lisan ini tidak dipandang enteng oleh sesetengah pihak. Berikut dicadangkan dengan lebih teliti impak terhadap pentadbir sekolah, guru, Kementerian Pelajaran dan ibu bapa.

i. Pentadbir sekolah

Pentadbir sekolah disarankan merebut peluang mengikuti kursus, seminar atau latihan intensif kemahiran berbahasa yang wujud di persekitaran bagi merealisasikan golongan pendidik yang boleh berhujah baik di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Mereka boleh juga boleh bertukar-tukar pendapat, pandangan dan berkongsi idea dengan para pelopor/ilmuan komunikasi bagi merangka strategi peningkatan kualiti penilaian lisan yang lebih berkesan di institusi pendidikan. Selain berkongsi idea dan masalah, mereka boleh membawa maklumat yang diperoleh untuk diaplikasikan di sekolah masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Modul Latihan

Dapatan kajian ini juga boleh juga dimanfaatkan untuk merangka rancangan pengajaran yang bersesuaian dengan tahap kebolehan pelajar. Hal ini kerana semua dapatan baru ini berpontensi membantu guru untuk merancang objektif dan kaedah pengajaran lisan yang berkesan. Keperluan memantapkan pengajaran komponen lisan dalam pendidikan bahasa perlu ditingkatkan kerana lisan mampu mengubah keyakinan diri seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Kementerian Pelajaran Malaysia

Dicadangkan pihak KPM menyediakan waktu khas dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu bermula dari sekolah rendah bagi memantapkan penguasaan lisan pelajar. Selain itu, penilaian yang lebih mantap perlu diadakan melalui penyelidikan yang berterusan. Hal ini akan membantu dalam meningkatkan keesahan penilaian dalam lisan pada peringkat sekolah.

iv. Guru

Berdasarkan kajian juga, diharapkan para guru dapat mengubah pandangan bahawa kepentingan lisan tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Hal ini kerana, kemahiran komunikasi yang tinggi melambangkan jati diri seseorang. Guru bolehlah merancang dan membina kaedah pengajaran yang mementingkan kemahiran bertutur, hal ini secara tidak langsung boleh meningkatkan kemahiran bertutur pelajar. Selain itu, penerangan yang jelas dan padat berkaitan kepantingan ujian yang dijalankan wajib diberikan kepada pelajar secara berterusan agar objektif yang dikehendaki tercapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Ibu bapa

Tugas ibu bapa amatlah penting dalam usaha menyokong program yang dirancang oleh kerajaan. Oleh itu, hasil dapatan ini diharap dapat menyedarkan ibu bapa bahawa kemahiran lisan yang tinggi perlu didahulukan sebelum kemahiran membaca dan menulis. Selain itu, ibu bapa juga perlu menggunakan bahasa yang tertib semasa di rumah, hal ini kerana anak mudah terikut dengan cara kita berkomunikasi. Justeru, kemahiran komunikasi yang baik sepatutnya dimulakan dari rumah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 PENAMBAHBAIKAN KAJIAN LANJUT

Tinjauan yang dilakukan terhadap kesan pelaksanaan Ujian Lisan Bahasa Melayu di sekolah menengah adalah rintisan kepada kajian yang seterusnya untuk melihat beberapa dimensi faktor lain yang tidak disentuh secara mendalam. Pengkaji mencadangkan agar kajian lanjut dilakukan terhadap beberapa perkara berikut:

i. Skop Kajian

Kajian yang dijalankan adalah terhad mengenai kesan pelaksanaan ULBM terhadap pelajar tingakatan 4 di negeri Perak sahaja. Oleh itu, adalah dicadangkan kepada pengkaji akan datang supaya melakukan kajian yang sama tetapi mencakupi skop kajian yang lebih mendalam meliputi pelajar tingkatan 4 di beberapa buah negeri yang lain dan melibatkan model ujian lisan tertentu. Selain itu, kajian perbandingan antara pencapaian ULBM kali pertama dan kedua berlandaskan modul pengajaran juga boleh dilakukan pada masa-masa akan datang bagi melihat perhubungannya dengan pencapaian dalam ULBM.

ii. Populasi dan Sampel

Tinjauan yang dilakukan dalam kajian ini belum memberikan gambaran yang menyeluruh berkaitan faktor latar belakang dalam kalangan pelajar dengan pencapaian dalam ujian lisan. Adalah diharapkan pengumpulan maklumat daripada populasi para pelajar tingkatan 4 dari sebuah negeri atau lebih akan memberikan gambaran yang tepat berkaitan faktor yang mempengaruhi lisan seseorang pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Kaedah Kajian

Kaeadah kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif. Maka, disyorkan agar kajian lanjutan dilakukan dengan mengaplikasikan pendekatan kualitatif. Kajian juga patut dijalankan ke atas guru bagi melihat keesahan dan kebolehpercayaan dalam pemberian markah ujian lisan kepada pelajar berdasarkan model ULBM yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

5.7 CADANGAN KAJIAN LANJUT

Beberapa cadangan untuk kajian seterusnya perlu dilakukan bagi memantapkan pelaksanaan Ujian Lisan Bahasa Melayu pada masa depan. Antara perkara yang disarankan untuk dijadikan kajian lanjut adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Kesahan dan Kebolehpercayaan Markah

Satu kajian tentang kesahan dan kebolehpercayaan pemberian markah oleh guru kepada pelajar harus dijalankan bagi melihat hasil yang diingini sama ada bertepatan dengan kehendak KPM. Kajian tersebut diharap dapat membantu pihak guru dan pihak yang berkenaan dalam memastikan keberkesanan ULBM terlaksana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Latihan Pengendalian ULBM

Bagi memantapkan pelaksanaan ULBM di sekolah, satu kajian terhadap keperluan latihan untuk melaksanakannya wajar dilakukan. Bukan semua guru yang mengajarkan bahasa Melayu di sekolah merupakan individu yang terlatih dalam dan berpengalaman dalam mengendalikan ujian tersebut. Pelaksana hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan juga kesediaan bagi tujuan memastikan ujian itu mencapai objektifnya.

iii. Hubungan Ujian Lisan dengan Pencapaian Akademik

Sebagaimana yang diketahui umum bahawa kemahiran komunikasi yang mantap merupakan kemahiran yang amat penting bagi memperoleh maklumat dan pengetahuan. Mereka yang mampu berhujah sering dikaitkan dengan dengan pencapaian akademik yang tinggi. Oleh itu, kajian terhadap markah ujian lisan yang tinggi menyumbangkan kepada pencapaian akademik yang cemerlang perlu dilakukan. Kajian ini akan dapat menyokong kepada keberkesanan ujian lisan di sekolah.

iv. Peranan Ibu Bapa Terhadap Keberkesanan ULBM

Tinjauan terhadap sikap, pandangan dan juga peranan ibu bapa harus dilaksanakan. Hal ini kerana, kejayaan sesuatu program yang dilaksanakan juga bergantung kepada faktor keluarga. Maklumat tentang keberangkalian berlakunya kekangan dalam kalangan ibu bapa terhadap pelaksanaan ujian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lisan dapat membantu pihak sekolah untuk menanganinya. Perkara ini juga merupakan penyumbang kepada kejayaan pelaksanaan ujian tersebut.

5.8 PENUTUP

Lisan adalah percakapan atau pertuturan, iaitu kegiatan melahirkan bahasa melalui suara atau sebutan. Kita akan bercakap apabila kita belajar bahasa dan akan mengucapkan sesuatu apabila melakukan interaksi dengan orang lain. Oleh itu, jelaslah bahawa tujuan menguasai kemahiran lisan bukanlah hanya setakat mempelajari bahasa itu tetapi untuk mencapai tahap kompetensi dalam berkomunikasi. Kadang kala ramai yang terlupa dalam mengejar arus teknologi maklumat kemahiran berkomunikasi dalam bahasa yang tepat sering diabaikan. Pencapaian taraf penguasaan berbahasa yang rendah akan menyulitkan kita untuk berkomunikasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam masa yang sama, kelemahan berbahasa pelajar sangat setara kerana mereka tidak berpeluang mendirikan asas berbahasa yang kukuh sewaktu di peringkat rendah. Pada peringkat yang lebih tinggi pula aspek lisan tidak diberikan perhatian serius kerana guru, ibu bapa dan pihak tertentu mengutamakan pengajaran ke arah kecemerlangan dalam peperiksaan. Dalam situasi lain pula, menurut Kamaruddin Hj Husin (1999), ibu bapa boleh dipertanggungjawab atas kegagalan dan kelemahan berbahasa yang berlaku dalam kalangan anak-anak mereka. Sesetengah ibu bapa kurang mengambil tahu tentang perkembangan bahasa lisan anak-anak mereka kerana lebih mementingkan kebolehan membaca dan menulis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, kajian ini diharap dapat membantu guru Bahasa Melayu untuk menyediakan rancangan pengajaran yang dapat meningkatkan pencapaian dalam Ujian Lisan Bahasa Melayu. Hal ini kerana, kegagalan pelajar menguasai kemahiran berkomunikasi dengan baik akan mempengaruhi hidup pelajar. Kenyataan ini disokong dengan pendapat yang dikemukakan oleh Kamaruddin Hj. Husin (1999), komponen lisan adalah asas kepada peningkatan penguasaan semua mata pelajaran atau kecekapan berbahasa seseorang. Kelemahan pelajar untuk berkomunikasi dengan sempurna akan menyebabkan mereka merasa tidak yakin pada diri sendiri dan menyisihkan diri daripada rakan serta guru. Hal ini secara tidak langsung menjejaskan prestasi pelajar dalam mata pelajaran.

Intihanya, walaupun kepentingan lisan dalam pengajaran dan pembelajaran amat disedari oleh semua pihak namun tidak semua guru menerima hakikat ini kerana guru-guru sering mengutamakan pengajaran yang berkiblatkan peperiksaan. Oleh itu, pendedahan akan kepentingan menguasai kemahiran lisan perlu bermula dari rumah dan guru diberikan peruntukan waktu khas mengajar kemahiran lisan bukannya hanya diselitkan dalam waktu pengajaran dan pembelajaran seperti yang berlaku pada masa kini. Hal ini kerana, kemahiran lisan yang mantap mampu mengubah konsep diri seseorang untuk berjaya dalam hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

BUKU

Abdul Aziz Abdul Talib. (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Abd. Hamid Mahmood et al. (2008). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Alias Baba. (1997). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ary, D. Jacobs, L. C. & Razavieh, A. (2002). *Introduction to Research in Education* (6th ed.). Belmont, CA: Wadsworth/Thomson Learning.

Azizi Yahaya et al. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Kementerian Pelajaran Malaysia. Senarai Sekolah Menengah dengan Bilangan Pelajar Mengikut Lokasi. (Data Seperti Pada 31 Januari 2007).

Bhasah Abu Bakar. (2003). *Asas Pengukuran Bilik Darjah*. Tanjong Malim : Quantum Books.

Drs. Jalaluddin Rakhmat. (1999). *Psikologi Komunikasi*. Bandung : PT Remaja Rosdarkarya.

Gay, L. R. (1981). *Educational Research :Competencies for Analysis and Application*. Columbus, OH : Charles E. Merrill.

Gresham, F. M. , Watson, T. S. & Skinner, C. H. (2001). *Functional Behavior Assessment: Principles, Procedures, and Future Directions*. School Psychology Review, 30, 156-172.

Johari b. Sidek. (2009). *Respons Murid Tahun 5 terhadap Program Nilam*. Tesis Sarjana: Universiti Pendidikan Sultan Idris.(tidak diterbitkan).

Juriah Long. (1975). *Masalah Pencapaian Murid-Murid Bukan Melayu dalam Peperiksaan Bahasa Malaysia MCE : Satu Analisis*. Disertasi M.ED: Universiti Malaya.(tidak diterbitkan).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kamarudin Hj. Husin. (1999). *Pengajaran Lisan Kemahiran Mendengar dan Bertutur*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman.

_____ dan Siti Hajar Hj. Abd Aziz. (1997). *Pengajian Melayu : Komunikasi Bahasa*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman.

Marshal & Rossman. (1995) Dlm. Johari b. Sidek .(2009). *Respons Murid Tahun 5 terhadap Program Nilam*. Tesis Ijazah Sarjana. UPSI.

Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mok Soon Sang. (2009). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur : Penerbitan Multimedia.

Noor Aina Dani. (2007). *Pengantar Psikolinguistik*. Petaling Jaya : Sasbadi.

Othman Mohamed. (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Universiti Putra Malaysia : Serdang.

Puteh Ahmad. (2004). *Hubungan Pencapaian Bahasa Melayu dengan Faktor Latar Belakang Pelajar*. Tesis Sarjana : Universiti Pendidikan Sultan Idris (tidak diterbitkan).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soenjono Dardjowidjojo. (2007). *Psikolinguistik.* Selangor : PTS.

Tuckman, B. W. (1994). *Conducting Educational Research.* Ed. ke-4. Florida U.S.A: Harcourt Brace & Company.

Wiersma, W. (2000). (Ed.7). *Research* M*ethods in Education : an Introduction.* United States : Allyn and Bacon.

Zamri Ahmad. (2007). *Psikolinguistik Dalam Pengajaran dan Pemerolehan Bahasa Pertama dan Kedua*. Shah Alam : Karisma Publication.

Zamri Mahamod. (2008). *Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam : Karisma Publication

MAKALAH

Institut Perguruan Sultan Idris. (1994). *Teori – Teori Pengajaran dan Implikasi*. Tanjung Malim. UPSI.

Unit Penilaian dan Peperiksaan Sektor Pengurusan Akademik Jabatan Pendidikan Negeri Perak. (2003). *Modul Ujian Lisan Berasaskan Sekolah*. Perak : JPN.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2003). *Buku Perangkaan Pendidikan 2003, Kementerian Pelajaran Malaysia.*

Bahagian Teknologi Pendidikan. (2003). *Laporan Pencapaian Pelaksanaan Di Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia.*

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2001). *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah.* Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2001). *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum Pendidikan.

Modul Pelaksanaan Ujian Lisan Berasaskan Sekolah Semasa Proses P&P. (2002). Unit Penilaian Peperiksaan Sektor Pengurusan Akademik Perak : JPN.

Pengendalian Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS). (2002). Lembaga Peperiksaan Malaysia Kuala Lumpur : Kementerian Pedidikan Malaysia.

LAMAN SESAWANG

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Interviewing. Diperoleh Disember 12, 2009 daripada

http//www.scribd.com/doc/11959433/psikolinguistik

Interviewing. Diperoleh September 10, 2009 daripada

http://www.psikologi-untar.com/provitae/index.php

Interviewing. Diperoleh September 28, 2009 daripada

http://webspace.ship.edu/cgboer/skinner.html

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN A

Kes Sampel



Kenyataan tentang pelajar

Borang soal selidik ini adalah untuk mengumpul maklumat berkaitan pelajar tingkatan empat. SEMUA KENYATAAN YANG DIBERI ADALAH **SULIT** DAN HANYA UNTUK KEGUNAAN PENYELIDIKAN.

Berikut adalah beberapa soalan berkenaan aspek berkaitan pembelajaran anda, yang saya harap anda dapat menjawabnya dengan ikhlas. Kerjasama yang anda berikan saya ucapkan jutaan terima kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KESAN PELAKSANAAN UJIAN LISAN BAHASA MELAYU (ULBM) TERHADAP PELAJAR TINGKATAN 4

Sila isi tempat kosong atau tandakan (/) pada jawapan pilihan anda.

Bahagian A : Latar Belakang Pelajar

1. Jantina
   - ☐ lelaki
   - ☐ perempuan

2. Keturunan
   - ☐ Melayu
   - ☐ Cina
   - ☐ India
   - ☐ Lain-lain : _____

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Kumpulan pelajar
   - ☐ Potensi
   - ☐ Cemerlang

4. Tuliskan markah yang anda peroleh dalam Ujian Lisan Bahasa Melayu kali pertama semasa di tingkatan 4.

Bil	Peringkat	Skor	Pencapaian
1	Sangat Baik	36-40	
2	Baik	28-35	
3	Memuaskan	20-27	
4	Kurang Memuaskan	12-19	
5	Pencapaian Minimum	4-11	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian B : Konsep ULBM	**YA**	**TIDAK**
1. ULBM ialah taksiran lisan.	☐	☐
2. ULBM menggalakkan pelajar berkomunikasi.	☐	☐
3. ULBM menggalakkan pelajar bersaing untuk berkomunikasi dengan sopan.	☐	☐
4. ULBM memupuk budaya berkomunikasi yang baik dalam kalangan pelajar.	☐	☐
5. Pelajar dibenarkan melihat markah setelah selesai menjalani ULBM.	☐	☐
6. ULBM menggalakkan pihak sekolah menjana usaha dan idea kreatif bagi menyemai tabiat berkomunikasi dalam kalangan pelajar.	☐	☐
7. ULBM mampu melahirkan pelajar yang berfikiran kreatif.	☐	☐
8. ULBM mampu melahirkan tokoh pelajar yang berketrampilan.	☐	☐
9. ULBM melahirkan generasi yang berpengetahuan dan bermaklumat.	☐	☐
10. ULBM melahirkan golongan pelajar yang suka membaca.	☐	☐
11. ULBM berupaya melahirkan pelajar yang berani untuk menjadi pemimpin.	☐	☐
12. ULBM berupaya melahirkan pelajar yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi.	☐	☐
13. ULBM wajib dijalani oleh pelajar sebanyak 3 kali Semasa di tingkatan 4 dan 5.	☐	☐

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian C : Proses Pelaksanaan ULBM	**SETUJU**	**TIDAK**
1. ULBM mendorong saya untuk membaca dengan lebih banyak bahan bacaan.	☐	☐
2. Saya melaksanakan ULBM pada waktu lapang.	☐	☐
3. Guru menjelaskan kepada saya secara terperinci tentang ULBM.	☐	☐
4. Guru membimbing saya melaksanakan ULBM.	☐	☐
5. Guru selalu membantu sekiranya saya kurang memahami model/aktiviti ULBM.	☐	☐
6. Bahan rujukan yang disediakan di perpustakaan sekolah membantu saya menjalani ULBM.	☐	☐
7. Saya sering membuat persediaan awal sebelum menjalani ULBM.	☐	☐
8. Guru sering memberikan saya contoh pelaksanaan ULBM.	☐	☐
9. Aktiviti dalam ULBM sesuai dengan saya.	☐	☐
10. Saya selalu berlatih bersama-sama rakan sebelum melaksanakan ULBM.	☐	☐
11. Rakan sering membantu saya semasa menjalankan ULBM di sekolah.	☐	☐
12. Ibu dan bapa saya menggunakan bahasa Melayu yang tertib semasa di rumah.	☐	☐
13. Ibu dan bapa saya membantu saya berlatih menjalani ULBM di rumah.	☐	☐

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Bahagian D : Kesan Pelaksanaan ULBM	**SETUJU**	**TIDAK**
1. Saya seronok mengikuti ULBM.	☐	☐
2. Kosa kata saya bertambah sejak menjalani ULBM.	☐	☐
3. Tatabahasa saya semakin betul sejak menjalani ULBM.	☐	☐
4. Maklumat saya bertambah sejak menjalani ULBM.	☐	☐
5. Fikiran saya bertambah kreatif sejak menjalani ULBM.	☐	☐
6. Kemahiran menulis saya bertambah baik setelah mengikuti ULBM.	☐	☐
7. Sebutan saya bertambah jelas sejak menjalani ULBM	☐	☐
8. ULBM melatih saya fasih berbahasa.	☐	☐
9. Saya menjadi contoh kepada rakan-rakan kerana dapat berkomunikasi dengan baik.	☐	☐
10. Saya selalu mengikuti pertandingan bahas setelah mengikuti ULBM.	☐	☐
11. ULBM sangat berguna dalam kehidupan harian saya.	☐	☐
12. ULBM membantu saya untuk berkomunikasi dengan masyarakat secara yakin.	☐	☐
13. Gred yang saya peroleh bagi mata pelajaran Bahasa Melayu semakin meningkat sejak menjalani ULBM.	☐	☐

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


LAMPIRAN B

Gambar rajah : MODEL 1 (ULBM)



Gambar rajah : MODEL 2 (ULBM)


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gambar rajah : MODEL 3



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Gambar rajah : MODEL 4



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gambar rajah : MODEL 5



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sumber dipetik daripada makalah
Lembaga Peperiksaan Malaysia ; Kementerian Pendidikan Malaysia (2002)

Setiap model yang dinyatakan mempunyai pelbagai aktiviti yang boleh dipilih oleh pelajar berdasarkan kesesuaian mereka. Hal ini diterangkan dalam bab dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN C

Bahagian B : Konsep ULBM	YA (%)	TIDAK (%)
1. ULBM ialah taksiran lisan.	80 (100)	-
2. ULBM menggalakkan pelajar berkomunikasi.	80 (100)	-
4. ULBM menggalakkan pelajar bersaing untuk berkomunikasi dengan sopan.	74 (92.5)	6 (7.5)
5. ULBM memupuk budaya berkomunikasi yang baik dalam kalangan pelajar.	78 (97.5)	2 (2.5)
6. Pelajar dibenarkan melihat markah setelah selesai menjalani ULBM.	53 (66.2)	27 (33.8)
7. ULBM menggalakkan pihak sekolah menjana usaha dan idea kreatif bagi menyemai tabiat berkomunikasi dalam kalangan pelajar.	78 (90)	8 (10)
8. ULBM mampu melahirkan pelajar yang berfikiran kreatif.	75 (93.8)	5 (6.2)
9. ULBM mampu melahirkan tokoh pelajar yang berketrampilan.	72 (90)	8 (10)
10. ULBM melahirkan generasi yang berpengetahuan dan bermaklumat.	69 (86.2)	11 (13.8)
11. ULBM melahirkan golongan pelajar yang suka membaca.	61 (76.2)	19 (23.8)
12. ULBM berupaya melahirkan pelajar yang berani untuk menjadi pemimpin.	74 (92.5)	6 (7.5)
13. ULBM berupaya melahirkan pelajar yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi.	77 (96.2)	3 (3.8)
14. ULBM wajib dijalani oleh pelajar sebanyak 3 kali Semasa di tingkatan 4 dan 5.	71 (88.8)	9 (11.2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN D

Bahagian C : Proses Pelaksanaan ULBM	**SETUJU (%)**	**TIDAK (%)**
1. ULBM mendorong saya untuk membaca dengan lebih banyak bahan bacaan.	68 (85)	12 (15)
2. Saya melaksanakan ULBM pada waktu lapang.	39 (48.8)	41 (51.2)
3. Guru menjelaskan kepada saya secara terperinci tentang ULBM.	78 (97.5)	2 (2.5)
4. Guru membimbing saya melaksanakan ULBM.	75 (93.8)	5 (6.2)
5. Guru selalu membantu sekiranya saya kurang memahami model/aktiviti ULBM.	80 (100)	-
6. Bahan rujukan yang disediakan di perpustakaan sekolah membantu saya menjalani ULBM.	61 (76.2)	19 (23.8)
7. Saya sering membuat persediaan awal sebelum menjalani ULBM.	48 (60)	32 (40)
8. Guru sering memberikan saya contoh pelaksanaan ULBM.	68 (85)	12 (15)
9. Aktiviti dalam ULBM sesuai dengan saya.	56 (70)	24 (30)
10. Saya selalu berlatih bersama-sama rakan sebelum melaksanakan ULBM.	58 (72.5)	22 (27.5)
11. Rakan sering membantu saya semasa menjalankan ULBM di sekolah.	66 (82.5)	14 (17.5)
12. Ibu dan bapa saya menggunakan bahasa Melayu yang tertib semasa di rumah.	46 (57.5)	34 (42.5)
13. Ibu dan bapa saya membantu saya berlatih menjalani ULBM di rumah.	46 (57.5)	34 (42.5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN E

Bahagian D : Kesan Pelaksanaan ULBM	SETUJU (%)	TIDAK (%)
1. Saya seronok mengikuti ULBM.	59 (73.8)	21 (26.2)
2. Kosa kata saya bertambah sejak menjalani ULBM.	62 (77.5)	18 (22.5)
3. Tatabahasa saya semakin betul sejak menjalani ULBM.	61 (76.2)	19 (23.8)
4. Maklumat saya bertambah sejak menjalani ULBM.	71 (88.8)	9 (11.2)
5. Fikiran saya bertambah kreatif sejak menjalani ULBM.	70 (87.5)	10 (12.5)
6. Kemahiran menulis saya bertambah baik setelah mengikuti ULBM.	66 (82.5)	14 (17.5)
7. Sebutan saya bertambah jelas sejak menjalani ULBM	72 (90)	8 (10)
8. ULBM melatih saya fasih berbahasa.	70 (87.5)	10 (12)
9. Saya menjadi contoh kepada rakan-rakan kerana dapat berkomunikasi dengan baik.	52 (65)	28 (35)
10. Saya selalu mengikuti pertandingan bahas setelah mengikuti ULBM.	8 (10)	72 (90)
11. ULBM sangat berguna dalam kehidupan harian saya	63 (78.8)	17 (21.2)
12. ULBM membantu saya untuk berkomunikasi dengan masyarakat secara yakin.	68 (85)	12 (15)
13. Gred yang saya peroleh bagi mata pelajaran Bahasa Melayu semakin meningkat sejak menjalani ULBM.	57 (71.2)	23 (28.8)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Norfaizah Abd. Jobar
SM Vokasional Slim River
38500 Slim River, Perak.

Tarikh : 02 hb.03 2010

Kepada;

Pengetua
.....
.....

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENGADAKAN PENYELIDIKAN DI SEKOLAH

Sukacita perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman pihak tuan, saya sedang mengikuti pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana Pendidikan** di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. Justeru, saya akan menjalankan penyelidikan bagi menyempurnakan pengajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Bersama-sama ini saya sertakan kepilkan salinan-salinan surat berikut;

i. Surat kebenaran Penyelidikan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia.
ii. Surat Kebenaran Pejabat Pelajaran Daerah Kinta Selatan.
iii. Surat Pengesahan Untuk Mengadakan Penyelidikan daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris.

4. Semoga permohonan saya ini mendapat pertimbangan dan kerjasama daripada pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

" **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**"

Yang benar,

.....
(NORFAIZAH ABD. JOBAR)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi